

**SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN MUZIUM
MASJID SULTAN ABDULLAH PEKAN, PAHANG**

NUR ZAFEEQAH BINTI ZAHARUDDIN

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN MUZIUM MASJID SULTAN ABDULLAH PEKAN, PAHANG

OLEH:

NUR ZAFEEQAH BINTI ZAHARUDDIN

Laporan Penyelidikan Yang Dihantar Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Keperluan Untuk
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

UNIVERSITI
MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



NUR ZAFEEQAH BINTI
ZAHARUDDIN

DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED
ROSDI

Tarikh: **18/02/2023**

Tarikh: **18/02/2023**

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

Signature of Supervisor



.....
NUR ZAFEEQAH BINTI
ZAHARUDDIN
Date: **18/02/2023**

.....
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED
ROSDI
Date: **18/02/2023**

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur terhadap Allah swt atas limpahan kurnia-nya yang diberikan kepada saya bagi menyiapkan kajian ini dengan jayanya bagi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Selain itu, di kesempatan ini saya ingin mendedikasikan ucapan terima kasih ini kepada penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi kerana telah memberi tunjuk ajar dan membimbing saya untuk menyiapkan kajian ini.

Di samping itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan ini kepada keluarga saya terutamanya ibu saya kerana telah memberi dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus kepada saya dalam proses menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada kakak saya kerana telah membantu dalam proses menyiapkan projek ini sehingga saya dapat menyiapkan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan saya kerana banyak membantu dan memberi pendapat serta berkongsi pengetahuan sepanjang kajian ini disiapkan serta dorongan yang tidak pernah putus.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN MUZIUM MASJID SULTAN
ABDULLAH PEKAN, PAHANG**

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk melihat suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah. Dalam masa yang sama kajian ini dilakukan bagi tujuan untuk mengenalpasti sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah, mengkaji proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah dan menganalisis kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan dua kaedah atau dikenali sebagai kaedah campuran yang melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat dan data kajian dengan lebih terperinci tentang kajian yang dijalankan. Seramai tiga (3) orang responden telah dipilih bagi menjawab soalan temubual bagi mendapat data dan maklumat bagi objektif yang pertama dan kedua dalam kajian ini. Manakala bagi objektif terakhir, seramai 200 orang penduduk di sekitar Muzium Masjid Sultan Abdullah telah diambil sebagai responden. Data dan maklumat yang diporelehi dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Hampir kesemua data persoalan ini berada pada tahap yang tinggi. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan di dalam kajian ini bagi penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh semua pihak untuk memastikan pelestarian masjid ini kekal sehingga generasi akan datang.

Kata Kunci: suaiguna, sejarah, muzium, SPSS, pelestarian

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

REUSE OF SULTAN ABDULLAH MOSQUE MUSEUM BUILDING PEKAN, PAHANG

ABSTRACT

This study was carried out to see the reuse of the Sultan Abdullah Mosque Museum building. At the same time, this study was carried out to identify the history of the Sultan Abdullah Mosque Museum, study the reuse process of the Sultan Abdullah Mosque Museum building and analyze the impact of the preservation of the Sultan Abdullah Mosque Museum on the local community. This study was carried out using two methods or known as mixed methods involving quantitative and qualitative methods to obtain information and study data in more detail about the study being conducted. A total of three (3) respondents were selected to answer interview questions to obtain data and information for the first and second objectives of this study. While for the last objective, a total of 200 residents around the Sultan Abdullah Mosque Museum were taken as respondents. The data and information obtained were analyzed using the Statistical Package For The Social Science (SPSS) method. Almost all the data for this question is at a high level. Some suggestions have also been found in this study for improvements that can be made by all parties to ensure the preservation of this mosque remains until the next generation.

Keywords: reuse, history, museum, SPSS, sustainability

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA ALIR	x
SENARAI KEPENDEKAN	x
BAB I	
PENDAHULUAN	
1.1	
Pengenalan	1
1.2	
Latar Belakang	2
1.3	
Permasalahan Kajian	4
1.4	
Persoalan Kajian	5
1.5	
Objektif Kajian	5
1.6	
Skop Kajian	5
1.7	
Kepentingan Kajian:	7
1.7.1 Individu	
1.7.2 Masyarakat	
1.7.3 Institusi	
1.8	
Kerangka Teori	8

1.9	Kesimpulan	8
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Sorotan Kajian	10
	2.2.1 Definisi Suaiguna Semula	
	2.2.2 Masjid	
	2.2.3 Muzium	
	2.2.4 Sultan	
2.3	Kesimpulan	17
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	18
3.2	Reka Bentuk Kajian	18
	3.2.1 Kaedah Kualitatif	
	3.2.2 Kaedah Kuantitatif	
3.3	Pengumpulan Data	20
	3.3.1 Data Primer	
	3.3.2 Data Sekunder	
3.4	Alat Bantu Kajian	23
	3.4.1 Telefon	
	3.4.2 Buku Catatan	
3.5	Analisis Data	24
3.6	Kesimpulan	26

BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	28
4.2	Analisis Dapatan	28
	4.2.1 Temu Bual	
	4.2.2 Soal Selidik	
4.4	Rumusan dan Perbincangan	55
4.5	Kesimpulan	58
BAB V	PENUTUP	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Ringkasan	59
5.3	Saranan Dan Cadangan	61
5.4	Penutup	63
RUJUKAN		65
LAMPIRAN		67

SENARAI JADUAL

NO JADUAL		HALAMAN
Jadual 1	Analisis Data	25
Jadual 2	Senarai Nama Responden Berkaitan Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah	29
Jadual 3	Senarai Nama Berkaitan Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah	29
Jadual 4	Keseluruhan Responden Mengikut Jantina	43
Jadual 5	Keseluruhan Responden Mengikut Umur	44
Jadual 6	Keseluruhan Responden Mengikut Pekerjaan	44
Jadual 7	Keseluruhan Pengetahuan Responden Bagi Soalan 1 Hingga Soalan 3	45
Jadual 8	Keseluruhan Pengetahuan Responden Bagi Soalan 4	47
Jadual 9	Skala Likert Bersama Point Untuk Pengiraan Min	47
Jadual 10	Keseluruhan Nilai Min Mengikut Tahap	48
Jadual 11	Keseluruhan Responden Terhadap Kesan Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Komuniti Setempat	49
Jadual 12	Keseluruhan Responden Terhadap Cadangan Untuk Mempekenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Orang Ramai	53

SENARAI CARTA ALIR

NO CARTA ALIR		HALAMAN
Carta 1	Hasil Tentang Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah	56
Carta 2	Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah	57

SENARAI KEPENDEKAN

JKR	Jabatan Kerja Raya
PWD	Public Works Department
SPSS	<i>Statistical Packages for the social Science</i>
UMK	Universiti Malaysia Kelantan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Suaiguna semula atau penyesuaigunaan semula merupakan satu proses pemuliharaan yang bijak bagi memastikan bangunan bersejarah atau warisan dapat diberi nafas baru dan dipelihara. Menurut Lilawati (2008), penyesuaigunaan semula didefinisikan sebagai satu proses yang mana sebuah bangunan diubahsuai fungsi penggunaannya kepada fungsi baharu tanpa mengubah seni binanya. Proses ini melibatkan kerja-kerja seperti pengubahsuaian, pembetulan, pembaikan, pengekalan dan pemuliharaan. Kerja-kerja ini perlu dilakukan secara terancang bagi memastikan bangunan warisan dapat disuaiguna semula secara baik.

Selain itu, di Malaysia, penyesuaigunaan semula merupakan kaedah baru yang diamalkan berbanding di negara barat. Di negara barat, mereka menggunakan kaedah ini disebabkan mereka mengalami perkembangan dan perubahan ekonomi secara pesat sehingga permintaan bangunan samada bangunan pejabat, rumah dan kedai sehingga tidak dapat memenuhi permintaan. Oleh itu, bagi memenuhi permintaan, mereka telah mengambil bangunan warisan yang terabai untuk dibaiki dan diubahsuai fungsinya mengikut keperluan terkini. Akhir sekali, konsep penyesuaigunaan semula bangunan bersejarah merupakan salah satu proses yang sesuai dijalankan bagi menambah

penggunaannya berbanding dibiarkan sebagai pameran kepada orang ramai dan pelancong.

Pahang merupakan salah satu negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dan terletak di bahagian Pantai Timur. Negeri Pahang juga bersempadan dengan Perak, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu. Berkeluasan seluas 35,964 kilometer persegi, Pahang memiliki populasi sebanyak 1,675000 juta penduduk. Negeri ini turut digelar sebagai Darul Makmur yang membawa maksud tempat perlindungan yang tenang. Disebabkan Pahang ini merupakan negeri yang besar dan mempunyai 11 daerah. Salah satu daerah ialah Pekan (Portal Diraja Pahang, 2016).

Pekan merupakan salah satu daerah yang popular di Pahang dan digelar sebagai bandar diraja. Hal ini kerana, daerah ini menjadi tempat bersemayam Sultan Pahang dan dahulunya menjadi pusat pentadbiran bagi Pahang. Daerah ini berada berhampiran dengan ibu negeri Pahang iaitu Kuantan. Jaraknya adalah sejauh 44 kilometer. Menurut sejarah, daerah ini mendapat nama daripada sejenis bunga yang dahulu banyak tumbuh di tebing sungai Pahang. Bunga ini dikenali sebagai bunga Pekan. Rupanya seakan bunga melor dan berwarna putih (Majlis Daerah Pekan, 2012). Namun kini, bunga ini semakin kurang ditemui sehingga menyebabkan generasi baru tidak mengenalinya. Daerah ini juga menyimpan warisannya yang tersendiri termasuklah dalam seni bina seperti Muzium Sultan Abu Bakar, Istana Mangga Tunggal dan juga Muzium Masjid Sultan Abdullah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masjid merupakan tempat beribadat khusus bagi umat Islam. Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat kebudayaan bagi orang Islam. Di Malaysia, terdapat banyak masjid yang telah dibina dan salah satunya Muzium Masjid Sultan Abdullah yang terletak di Pekan, Pahang. Masjid ini telah siap dibina pada tahun 1932 dan menjadi masjid utama semasa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah dan Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Bilah. Masjid ini berfungsi

sebagai masjid utama dari tahun 1932 sehingga 1976 dan menjadi kosong selepas pembinaan masjid baharu iaitu Masjid Sultan Ahmad Shah yang berada berdekatan dengan Makam Diraja Pekan.

Masjid ini juga digelar sebagai Taj Mahal Malaysia kerana seni binanya seakan seperti Taj Mahal di India. Di samping itu, masjid ini juga berkonsepkan muzium dalam taman. Hal ini kerana, ia terdiri daripada pelbagai komponen seperti ruang solat, ruang diskusi dan ruang pameran. Selain itu, masjid ini juga mempunyai ruang koleksi diraja yang memaparkan manuskrip Al-Quran semasa era pemerintah Khalifah Saidina Uthman Affan dan manuskrip Hukum Kanun Pahang yang digunakan semasa pemerintah Sultan Abdul Ghaffur.



Gambar 1: Ruang Dalaman Masjid

Sumber: Google Images

Menurut sejarah, masjid ini dahulu merupakan satu struktur binaan banglo kayu yang bersaiz sederhana dan dibina tahun 1888. Selepas itu, masjid ini telah ditambah baik dengan binaan batu bata semasa zaman penjajah British iaitu pada tahun 1929 untuk dijadikan tempat tinggal residen British. Pada tahun 1942 hingga 1945, tentera Jepun telah menjadikan masjid ini sebagai pentabdiran tentera semasa era Perang Dunia Kedua.

Kemudian, pada tahun 2015, masjid ini telah diserahkan kepada Lembaga Muzium Negeri Pahang untuk diambil alih selepas diubah suai selama dua tahun untuk

dijadikan muzium dengan kos mengubahsuai sebanyak RM10 juta. Tujuan masjid ini dijadikan muzium adalah untuk membolehkan pengunjung menghayati warisan yang terdapat pada masjid ini. Muzium ini telah dirasmikan oleh Sultan Abdullah pada 21 Oktober 2016. Kini, usia masjid ini telah mencecah lebih 90 tahun.



Gambar 2: Perasmian Semula Muzium Masjid Sultan Abdullah
Pada Tahun 2015 Oleh Sultan Abdullah
Sumber: Portal Diraja Pahang

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Sesuai dengan kemajuan negara, banyak masjid moden telah dibina. Hal ini menyebabkan banyak masjid yang mempunyai nilai warisan semakin dilupakan dan kurang dilawati. Hal ini turut terjadi kepada Muzium Masjid Sultan Abdullah di Pekan, Pahang yang kurang diketahui oleh generasi muda terutamanya rakyat Pahang sendiri sedangkan masjid tersebut mempunyai seni bina yang agak menarik dan menyimpan banyak khazanah warisan Pahang.

Selain itu, disebabkan kurangnya promosi, muzium masjid ini tidak dikenali oleh orang ramai terutama generasi muda Pahang. Di samping itu, kerajaan Negeri Pahang juga tidak mengambil tindakan yang betul bagi memperkenalkan muzium masjid ini. Ini menyebabkan rakyat Pahang kurang mengetahui akan kewujudan muzium ini sehingga kurang dilawati bukan sahaja dari penduduk tempatan apatah lagi

pelancong dari luar yang tidak menjadikan muzium ini sebagai salah satu lokasi wajib untuk dikunjungi. Sekiranya muzium ini dijadikan tempat pelancongan, tidak mustahil mampu memberi manfaat kepada penduduk setempat dari segi ekonomi dan juga sosial. Hal ini kerana, muzium masjid ini mempunyai keunikan dari segi seni binanya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Untuk kajian ini, pengkaji telah mengemukakan tiga persoalan kajian iaitu:

- i) Apakah sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah?
- ii) Bagaimanakah proses suaiguna semula bangunan Muzium Sultan Abdullah dilakukan?
- iii) Apakah kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Di bawah merupakan beberapa objektif bagi kajian ini. Antaranya ialah:

- i) Mengenalpasti sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah.
- ii) Mengkaji proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah.
- iii) Menganalisis kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.

1.6 SKOP KAJIAN

Pekan adalah salah satu daerah bagi Negeri Pahang. Daerah ini mempunyai keluasan sebanyak 380,500.00 hektar dan mempunyai 11 mukim iaitu Mukim Kuala Pahang, Mukim Pahang Tua dan sebagainya. Pekan juga merupakan daerah keempat terbesar bagi Negeri Pahang. Selain itu, daerah ini menyimpan warisan bagi Negeri Pahang dan mempunyai banyak muzium yang mempamerkan sejarah yang berlaku di Pahang.

Salah satunya adalah Muzium Masjid Sultan Abdullah.

Kajian ini tertumpu di Muzium Masjid Sultan Abdullah sahaja. Pemilihan kawasan ini adalah kerana pengkaji berhasrat untuk memperkenalkan lagi kawasan muzium ini di samping membataskan masa pengkaji kerana perjalanan ke lokasi kajian yang mengambil masa selama 45 minit dari tempat tinggal pengkaji.



Gambar 3: Seni Bina Luaran Masjid Sultan Abdullah Yang Tidak Diketahui Oleh Orang Ramai.

Sumber: Google Images



Gambar 4: Peta Tapak Kajian

Sumber: Google Map

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Diharap kajian ini akan dapat membantu memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada rakyat Pahang. Selain itu, sangat rugi jika muzium masjid ini tidak diketahui oleh orang ramai. Hal ini kerana, muzium masjid ini menyimpan beribu warisan kepada rakyat Negeri Pahang khususnya masyarakat di daerah Pekan. Seterusnya, diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti:

1.7.1 Individu

Kajian ini diharap dapat membantu individu untuk mengetahui lebih mendalam tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah. Di samping itu, melalui kajian ini pengkaji mendapat banyak pengetahuan baru tentang suaiguna semula bangunan ini. Dengan pengetahuan baru ini, pengkaji dapat memupuk sifat bertanggungjawab untuk memperkenalkan muzium masjid kepada individu lain. Hal ini kerana, jika sifat tanggungjawab tiada di dalam setiap diri individu, keindahan muzium masjid akan terus tenggelam mengikut peredaran masa.

1.7.2 Masyarakat

Rakyat Pahang khususnya masyarakat Pekan diharap akan lebih peka dalam mempromosikan muzium masjid kepada orang ramai. Hal ini kerana, masyarakat Pekan sangat berhak ke atas muzium masjid ini. Jika muzium masjid ini diketahui oleh orang ramai, mereka akan mendapat banyak kelebihan dari segi ekonomi dan sosial serta muzium masjid ini akan menjadi salah satu tempat warisan.

1.7.3 Negara

Jika muzium masjid ini dikenali, ia akan menjadi salah satu destinasi baru yang menarik yang harus dilawati dan dapat membantu meningkatkan jumlah kehadiran pelancong termasuklah dari luar negara ke Malaysia. Hal ini kerana, sejak kebelakangan ini, jumlah kehadiran pelancong ke Malaysia semakin berkurangan disebabkan oleh

pandemik yang telah melanda seluruh dunia. Akhir sekali, seni bina muzium masjid yang mempunyai rupa seakan Taj Mahal ini juga dapat membantu meningkatkan imej negara kerana ia membuktikan rakyat Malaysia pada zaman dahulu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menghasilkan bangunan amnya walaupun banyak menerima pengaruh dari luar.

1.8 KERANGKA TEORI

Kajian ini akan mengaplikasikan teori persepsi. Menurut Gibson (1989), teori persepsi merupakan satu proses bagi seseorang individu dalam memahami dunia berdasarkan pancainderanya. Selain itu, teori ini juga diertikan sebagai satu proses ransangan seseorang individu berdasarkan pancaidera dan mentafsirkan ransangan itu sehingga mereka memahami tentang ransangan yang diterima. Terdapat dua faktor yang mendorong teori persepsi iaitu faktor dalaman dan faktor luar. Faktor dalaman adalah faktor yang melibatkan perkara di dalam diri individu tersebut. Faktor dalaman ini di pengaruhi oleh beberapa hal seperti minat, perhatian, pengalaman dan fisiologi.

Manakala faktor luaran adalah faktor yang melibatkan elemen yang terdapat pada objek atau ransangan tersebut. Elemen ini akan mengubah pandangan dan mempengaruhi penerimaan individu terhadap objek atau ransangan tersebut. Faktor ini dipengaruhi oleh beberapa hal seperti warna, keunikan, saiz dan gerakan sesuatu objek atau ransangan. Teori ini akan digunakan di dalam kajian ini adalah disebabkan Muzium Masjid Sultan Abdullah dianggap oleh ramai sebagai Taj Mahal Pekan. Namun, muzium masjid ini mempunyai indetiti yang tersendiri dan berbeza dengan Taj Mahal di India. Hal ini kerana, muzium masjid ini terdiri daripada beberapa ruang seperti ruang solat dan ruang yang berbeza dengan Taj Mahal. Akhir sekali muzium masjid ini dibina bagi tujuan untuk pengunjung menghayati warisan Islam. Ini menunjukkan tujuan pembinaan adalah sangat berbeza dengan Taj Mahal di India.

1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab 1 ini menekankan tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan

kajian yang melibatkan individu, masyarakat dan negara serta kerangka teori. Diharapkan kajian yang berkaitan dengan suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdulllah dapat memberi kesan yang positif sebagai salah satu bangunan warisan di Negeri Pahang. Hal ini kerana, muzium masjid ini mempunyai nilai warisan dan keunikan yang tersendiri.

Selain itu, dengan adanya suaiguna semula bangunan muzium masjid ini dapat mengekalkan pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini daripada dilupakan dan tidak terurus seperti yang berlaku kepada Istana Leban Tunggal yang tidak dipelihara sehingga kini. Hal ini kerana, muzium masjid ini boleh dijadikan sebagai produk warisan bagi Pekan dan juga Negeri Pahang. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberi pengetahuan baharu kepada semua pihak terutama generasi muda tentang suaiguna semula bangunan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan mengenalpasti elemen yang sesuai dalam kajian yang akan dijalankan menerusi kajian-kajian lepas. Bagi melaksanakan bab ini, pengkaji akan memilih beberapa sumber yang berkaitan dengan kajian Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah di Pekan Pahang seperti surat khabar, jurnal, artikel, laporan dan juga laman sesawang.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Menurut Ahmad Sunawari Long (2014), sorotan kajian membawa maksud penyelidikan semula secara ilmiah terhadap penulisan terdahulu dan penyelidikan berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji. Sorotan kajian juga dikenali sebagai 'literature review'. Perkataan 're' membawa maksud buat semula manakala 'view' membawa maksud menyelidikan. Di dalam kaedah ini, pengkaji akan meneliti semula teori, metodologi, penemuan hasil kajian dan laporan kajian terdahulu. Kaedah ini akan menggunakan beberapa bahan seperti buku, dokumen jurnal, laporan dan kajian kes.

Manakala, menurut Mohd Anuar Ramli, sorotan kajian merupakan salah satu elemen penting di dalam kajian samada bersifat kualitatif mahupun kuantitatif. Secara umumnya, ia adalah satu kajian yang dilakukan untuk mengelakkan pengulangan semula kajian yang sedia ada. Di dalam kaedah ini, terdapat dua langkah utama sebelum menghasilkan penulisan iaitu tinjauan penulisan dan mencari penulisan

Selain itu, A. Fink (1998) menjelaskan bahawa sorotan kajian lepas ialah suatu penelitian yang jelas dan sistematik bagi mengenali, mengukur dan mentaksir hasil-hasil penulisan terdahulu dari golongan cerdik pandai dan penyelidikan serta penelitian ini perlu dilaksanakan dengan teliti dan mudah untuk dirujuk di kemudian hari.

Akhir sekali, Loriane Blaxter, Christina Hughes dan Malcom Tight (2002) menyatakan bahawa sorotan kajian adalah penilaian dan ringkasan yang mendalam terhadap bahan-bahan di dalam suatu bidang. Secara umumnya, sorotan kajian adalah proses penyelidikan, penilaian dan pengetahuan secara mendalam terhadap penulisan dan kajian yang lepas berkaitan dengan kajian yang akan dikaji.

2.2.1 Definisi Suaiguna Semula

Suaiguna semula atau penyesuaigunaan semula adalah satu cara yang dilakukan untuk memastikan bangunan dipelihara. Menurut A Ghaffar (2010), penyesuaigunaan semula adalah satu proses mengubah fungsi sesuatu bangunan kepada fungsi yang baru tanpa mengubah reka bentuk dan seni bina bangunan tersebut. Dengan kaedah ini, bangunan tersebut dapat dipelihara dan dipulihara serta dapat dikekalkan.

Di dalam kajian lepas yang bertajuk ‘Suaiguna Semula Bangunan Bersejarah Sebagai Muzium: Kajian Ke Atas Kota Lama Duyong Kuala Terengganu, Terengganu’ yang ditulis oleh Wan Rohani (2021) menyatakan bahawa suaiguna semula adalah langkah memulihara bangunan bersejarah daripada kerosakan dan kepupusan yang mampu memberi kesan yang buruk terhadap nilai warisan serta seni bina bangunan tersebut. Selain itu, di dalam kajian ini turut menerangkan langkah-langkah yang harus dilakukan oleh pihak berwajib dalam menyesuaiguna semula bangunan seperti Kota Lama kepada muzium. Bagi mendapatkan maklumat, penulis telah menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual. Tujuan akhir kajian ini adalah untuk menjaga bangunan tinggalan sejarah daripada rosak mengikut arus pemodenan.

Menurut Lilawati Ab Wahad et, al. (2007) di dalam artikel beliau yang bertajuk ‘Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Sebagai Hotel’ telah menerangkan penyesuaigunaan semula adalah satu kaedah yang mengubah fungsi bangunan lama

kepada fungsi baru tanpa mengubah seni bina asal bangunan. Penulis turut menyatakan kaedah ini berhubung kait dengan penglibatan kerja-kerja pemuliharaan, pengekalan, pembetulan dan pembaikan. Artikel ini juga menerangkan prinsip pemuliharaan sangat penting bagi mengekalkan seni bina dan bahan bangunan tersebut. Tujuan penyesuaigunaan semula bangunan kepada hotel adalah untuk menambah fungsi bangunan warisan di samping dapat menarik kedatangan pelancong ke bangunan tersebut. Akhir sekali, hasil kajian di dalam artikel ini adalah dapat memberi rujukan kepada semua pihak dalam penyesuaigunaan semula bangunan warisan yang terdapat di Malaysia.

Selain itu, berdasarkan penulisan akhbar Sinar Harian yang bertajuk ‘Guna Semula Fire Station Selepas 111 Tahun’ (2019) yang menerangkan tentang langkah yang dilakukan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula balai bomba dan penyelamat yang tertua di Malaysia dengan menukarkan nama kepada nama asalnya iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Pusat (BBP) dan menggunakan papan tanda *Central Fire Station* dengan rekabentuk berstruktur seperti 111 tahun dahulu. Tujuan menyuaiguna semula adalah untuk menarik minat pelancong dan mengekalkan bangunan yang menjadi ikonik serta bangunan warisan diiktiraf oleh UNESCO di bandar Georgetown. Keunikan dari segi seni bina yang menggabungkan corak arkitekural dan klasikal seperti corak Mughul menara empat tingkat menjadi salah satu faktor pemuliharaan dan pemeliharaan dilakukan.

Di samping itu, menurut Daeng Haliza Daeng Jamal et al (2019) di dalam artikel bertajuk “Nilai intrinsik komuniti Setempat: Tinjauan Ke Atas Pendekatan Suaiguna Semula Bangunan Bersejarah di Perak” menyatakan bahawa kaedah penyuaigunaan semula adalah salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam melestarikan bangunan bersejarah. Di dalam artikel ini turut menyatakan penyuaigunaan semula ini dapat mewujudkan nilai intrinsik dalam komuniti setempat. Artikel ini membuktikan penyuaigunaan semula dapat membentuk nilai intrinsik dalam komuniti seperti perasaan kebanggaan, semangat jiwa setempat, kesanggupan dan nilai sepunya. Akhir sekali, artikel ini juga menyatakan bahawa sokongan penduduk setempat memainkan peranan penting bagi membantu pihak berwajib dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah.

Rumusannya, suaiguna semula adalah satu cara dalam proses pemuliharaan bagi tujuan meningkatkan jangka hayat bangunan dan mengekalkan bangunan daripada pupus mengikut peredaran masa. Walaupun kaedah pemuliharaan dilakukan, seni bina dan ciri bangunan warisan tersebut masih dikekalkan seperti asal.

2.2.2 Masjid

Menurut Nor Hayati Fatmi Talib et al (2011) dalam artikel ‘Masjid Pusat Perkembangan Tamadun Islam’ menyatakan bahawa masjid merupakan binaan yang pertama didirikan oleh Rasulullah di Madinah dalam peristiwa hijrah. Masjid juga berfungsi sebagai tempat beribadah, penyebaran ilmu, tempat aktiviti ekonomi, politik dan sosial serta tempat pembangunan masyarakat. Di dalam artikel ini juga turut menjelaskan bahawa masjid dapat membantu pembangunan modal insan dan mengembangkan lagi tamadun Islam melalui aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat. Akhir sekali, artikel ini turut menerangkan perubahan fungsi masjid pada masa kini yang sangat berbeza dengan fungsi seperti dahulu.

Selain itu, berdasarkan artikel ‘Keberkesanan Institusi Masjid Dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes’ yang ditulis oleh Sahrani et al (2011) menyatakan bahawa masjid merupakan tempat beribadah bagi orang Islam dan tempat penyebaran ilmu. Di dalam artikel ini juga, penulis menyatakan bahawa masjid perlu mempunyai sistem, proses, kaedah penyebaran dan perancangan untuk berfungsi. Penulis turut menjelaskan sumbangan institusi masjid di Negeri Sarawak dalam menyebarkan maklumat dan pengetahuan ilmu dalam masyarakat dengan menggunakan kaedah yang moden mengikut peredaran masa. Akhir sekali, artikel ini menyatakan sumbangan institusi masjid kepada masyarakat Sarawak seperti melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan menjadikan komuniti yang bermuafakat.

Rumusannya, masjid merupakan sebuah tempat ibadah bagi umat Islam. Di samping itu, masjid juga berfungsi sebagai tempat penyebaran ilmu dan aktiviti ekonomi, sosial dan politik. Oleh itu, langkah suaiguna semula bangunan masjid kepada muzium sangat sesuai bagi memelihara dan memulihara bangunan warisan daripada pupus mengikut peredaran masa.

2.2.3 Muzium

Muzium adalah bangunan yang menyimpan sesuatu khazanah bagi sesebuah negara. Perkataan muzium di ambil daripada pinjaman perkataan Yunani iaitu mouseion yang membawa maksud suatu kuil yang dibina untuk tujuan penyembahan Sembilan putri Zeus yang melambangkan kesenian dan ilmu. Di Malaysia muzium digelar sebagai “sekolah gambar”. Hal ini kerana banyak gambar dipaparkan untuk tujuan pendidikan. Menurut Geo Brown Goode (1895), muzium ialah sebuah institusi untuk memelihara objek-objek yang melambangkan kerja manusia, fenomena alam dan budaya sesuatu masyarakat.

Menurut Nor Siman binti Lakassa di dalam artikel bertajuk ‘Pengurusan Koleksi Zoologi di Muzium Sarawak’ (2007) menyatakan bahawa muzium merupakan institusi yang bersifat tetap. Hal ini kerana, muzium memberi perkhidmatan kepada masyarakat tanpa mencari keuntungan serta dibuka kepada umum. Penulis juga menyatakan muzium merupakan institusi yang terlibat di dalam pemeliharaan, pemuliharaan, pameran dan pusat arkib. Akhir sekali, penulis menyatakan pengurusan koleksi merupakan elemen yang sangat penting di dalam sesebuah muzium bagi mengelakkan kemusnahan atau kerosakan koleksi.

Selain itu, di dalam akhbar bertajuk ‘Muzium Tertua Negara’ yang ditulis oleh Nor Asyikin Mat Hayin (2018) menyatakan muzium merupakan sebuah gedung pengetahuan yang menjelaskan tentang warisan bangsa dan artifak. Penulis juga menyatakan muzium bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat tentang nilai cinta akan negara dan membentuk sifat jati diri bangsa melalui aktiviti yang disediakan. Di Malaysia, muzium telah diperkenalkan oleh British untuk dijadikan pusat pengumpulan dan penyelidikan bahan sejarah, budaya, alam semulajadi serta adat resam tempatan. Salah satu muzium pertama yang diperkenalkan di Malaysia dan Asia adalah Muzium Perak yang ditubuh pada 1 Januari 1883.

Di samping itu, berdasarkan artikel ‘Program Kenali Muzium: Impak Terhadap Muzium, Pendidikan dan Masyarakat’ yang ditulis oleh Rafidah Abdullah et al (2012) menyatakan muzium membawa maksud sebuah institusi yang tetap kerana tidak

mencari keuntungan dan terbuka umum kepada orang ramai. Di dalam artikel ini juga menjelaskan tentang beberapa punca yang menyebabkan orang ramai tidak berminat untuk mengunjungi muzium seperti menganggap muzium bukan destinasi yang penting untuk dituju. Penulis turut menyatakan pihak pendidikan perlu bergabung dengan pihak muzium untuk menggalakkan kehadiran orang ramai melalui pendidikan dan menghapuskan tanggapan negatif terhadap muzium.

Muzium mempunyai peranan yang sangat penting di dalam pembangunan negara dan masyarakat. Antara peranan muzium adalah memberi maklumat dan mendidik masyarakat, memupuk kesedaran kepada masyarakat dan menjadi institusi pendidikan. Hal ini boleh dibuktikan melalui kajian lepas yang ditulis oleh Hidzir Sairan (2011) di dalam penulिसannya yang bertajuk ‘Peranan Muzium Kepada Masyarakat: Kajian Kes Di Muzium Kota Tinggi, Johor’ menyatakan muzium berperanan untuk membentuk semangat patriotisme dan jati diri, memberikan maklumat untuk dijadikan rujukan dan pendidikan serta menjadi lambang warisan dan budaya. Di samping itu, menurut Nor Atikah Abdullah (2022) di dalam artikel bertajuk ‘Peranan Muzium Komuniti Dalam Pengekalan Identiti Di Melaka’, tapak warisan dunia Malaysia menyatakan muzium berperanan sebagai tempat mengekalkan dan menyampai maklumat kepada orang ramai. Akhir sekali, menurut Ali Hassan Toran et, al. (2010) di dalam artikel bertajuk ‘Perspektif Umum Terhadap Peranan Dan Kepentingan Muzium Di Kuching Sarawak’ menyatakan bahawa muzium berperanan sebagai institusi yang menyimpan dan mempamerkan segala warisan. Oleh itu, secara rumusannya, muzium mempunyai peranan yang sangat penting kepada masyarakat dan negara.

2.2.4 Sultan

Perkataan sultan berasal daripada perkataan arab yang membawa maksud sejarah. Pada asalnya, perkataan sultan adalah kata nama abstrak bahasa arab bermaksud kuasa dan kekuatan pemerintah. Kemudian itu, perkataan ini mengalami perubahan disebabkan pemerintah Islam tidak mahu rakyat bergantung kepada pemerintah tertinggi. Menurut Tan Sri Dr Rais Yatim (2015) di dalam akbar berita harian bertajuk ‘Raja Pemegang Amanah Kedaulatan, Maruah Melayu’ menyatakan perkataan sultan diambil daripada perkataan arab yang bermakna kuasa atau pemegang kuasa. Sultan juga boleh

diistilahkan sebagai individu yang mempunyai kuasa memerintah kerajaan dan mengawal pentadbiran serta bangsa.

Mengikut sejarah, kerajaan kesultanan Melayu wujud sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1400 Masihi oleh Parameswara. Kemudian kerajaan kesultanan ini tersebar ke seluruh negeri Melayu. Selepas kedatangan British ke Tanah Melayu pada abad ke-18 hingga abad ke-20, kedaulatan dan kuasa kesultanan Melayu semakin berkurang. Hal ini kerana sultan diberi kuasa untuk menjadi ketua agama dan mengawal politik. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Nazri Muslim (2014) yang bertajuk 'Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Sudut Perlembagaan' menyatakan bahawa pada zaman dahulu, sebelum kedatangan penjajah, institusi beraja mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran dan pemerintah negeri. Namun, selepas mencapai kemerdekaan, institusi beraja dipinda agar bersesuaian dengan demokrasi berparlimen yang dipengaruhi oleh penjajah. Hal ini menyebabkan istitusi beraja diberi peranan untuk menjaga agama dan hak orang Melayu.

Selain itu, Raja Melayu juga boleh memainkan peranan dalam menstabilkan politik negara. Hal ini boleh dilihat di dalam akhbar berita harian ditulis oleh Kassim Thukiman (2020) yang bertajuk 'Peranan Raja-Raja Melayu Stabilkan Politik Negara' menyatakan sistem kesultanan merupakan asas dalam peradaban politik di Malaysia. Ini boleh dibuktikan walaupun rakyat mempunyai hak untuk memilih pemimpin mereka, namun jika sultan tidak berkenan, maka parti politik tersebut tidak dapat diangkat sebagai pemimpin. Maka, jelaslah institusi kesultanan sangat penting dalam menstabilkan politik negara.

Di samping itu, Institusi kesultanan juga mempunyai sumbangan dalam perkembangan Islam. Menurut Muhammad Ikhlas Rosele et; al (2018) di dalam artikel bertajuk 'Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang' menyatakan institusi sultan mempunyai sumbangan yang sangat jelas dalam penyebaran Islam di Malaysia. Artikel ini juga menjelaskan sumbangan institusi kesultanan yang boleh dilihat dari segi wujudnya Hukum Kanun Pahang, hubungan antara sultan dengan ulama dan penyebaran Islam di Pahang.

Rumusannya, sultan merupakan pemerintah bagi sesebuah negara. Di Malaysia, institusi kesultanan berfungsi untuk menjaga agama, politik dan hak orang Melayu. Selain itu, institusi kesultanan ini juga memberi sumbangan yang amat tinggi dalam agama Islam. Hal ini boleh dibuktikan melalui perkembangan Islam dan penubuhan banyak masjid di Malaysia. Oleh itu, Institusi Kesultanan ini harus dikekalkan.

2.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, di dalam bab ini, terdapat banyak kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan suaiguna semula bangunan. Oleh itu, melalui bab ini juga, pengkaji mendapat banyak maklumat yang boleh dirujuk dalam menghasilkan kajian yang berkaitan dengan suaiguna semula bangunan. Di samping itu, menerusi kajian lepas juga dapat membantu pengkaji dalam memperoleh sumber data dengan menggunakan beberapa teknik seperti temubual dan sebagainya. Pengkaji juga dapat merasakan pengalaman penulis dalam menghasilkan kajian melalui penulisannya.

Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui bahawa banyak penyesuai guna semula bangunan bersejarah dijalankan di Malaysia seperti Suaiguna semula bangunan Kota lama Duyong, Kuala Terengganu sebagai muzium dan Suaiguna semula rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad sebagai galeri serta banyak lagi. Melalui kaedah ini bangunan bersejarah ini dapat diberi nafas baru dan nilai warisan yang terdapat pada bangunan tersebut dapat dipelihara. Akhir sekali, bagi memastikan kaedah ini berjalan dengan jayanya semua pihak termasuk komuniti setempat haruslah bergabung bahu.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi adalah satu teknik atau cara untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menyokong bukti dalam sesuatu kajian. Selain itu, metodologi juga menerangkan langkah untuk mencari punca masalah dengan beberapa cara. Tujuan metodologi kajian digunakan adalah untuk membantu penyelidik memahami dengan lebih terperinci tentang penggunaan beberapa kaedah untuk membuat huraian di dalam kajian. Di samping itu, menurut Hornby (1985), metodologi adalah satu cara yang digunakan bagi menjalankan kajian pada subjek yang tertentu bagi menghasilkan kajian yang terbaik. Untuk mengumpul data di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah soal selidik, kaedah temu bual, kaedah pemerhatian, kaedah kepustakaan dan kaedah internet.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Sabitha (2006), rekabentuk kajian adalah satu pelan tindakan untuk melihat bagaimana kajian yang dijalankan secara lebih mendalam. Reka bentuk juga berfungsi sebagai petunjuk kepada pengkaji dalam proses mengumpul, menganalisis dan menilai hasil daripada kajian yang akan dijalankan. Oleh itu, reka bentuk ini dapat membantu pengkaji mengatasi masalah dengan cepat dan berkesan. Reka bentuk kajian ini juga dipilih berdasarkan masalah yang terdapat dalam kajian pengkaji sendiri. Disebabkan itu, pengkaji akan menggunakan kaedah campuran yang melibatkan kaedah kualitatif

dan kaedah kuantitatif untuk menghasilkan kajian ini.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah satu langkah bagi mendapatkan maklumat secara mendalam. Menurut Lincoln dan Denzin (1994), kaedah kualitatif adalah satu langkah yang menggunakan banyak kaedah yang berfokus bagi mengkaji sesuatu subjek manakala Cresswell (1994) menyatakan bahawa kaedah kualitatif adalah proses inkuiri pemahaman yang menjadikan pengumpulan data sebagai dasar untuk menyelidik sesuatu masalah. Selain itu, kaedah kualitatif adalah bersifat deskriptif yang lebih untuk menghuraikan makna tentang perkara yang dikaji. Kaedah ini lebih tertumpu kepada proses, bersifat terbuka dan tidak berstruktur serta kurang mengutamakan data-data yang berbentuk numerikal. Kaedah ini biasanya menggunakan beberapa cara untuk mendapat maklumat seperti analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan sebagainya. Tujuan pengkaji memilih kaedah ini adalah untuk mendapat banyak maklumat yang berkaitan dengan permasalahan dan persoalan kajian berkaitan dengan suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik, bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Menurut Nana (2005) kaedah kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada objektif dan dikawal oleh pengumpulan data serta analisis data. Kaedah ini melibatkan pengukuran pemboleh ubah kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen. Manakala menurut John W. Cresswell (2008) kajian kuantitatif adalah satu jenis penyelidikan pendidikan di mana penyelidik memutuskan apa yang hendak di kaji, mengecilkan skop soalan, bertanya soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada peserta dan menganalisis nombor menggunakan statistik serta menjalankan inkuiri dalam bentuk objektif. Di dalam kaedah ini data akan diukur dan dipersembahkan dalam bentuk numerikal. Penyelidik akan eksperimen dalam memilih kaedah yang tertentu dan data akan dianalisis dengan ujian statistik. Kaedah ini akan menggunakan cara soal selidik bagi mendapatkan maklumat. Oleh itu, di dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat tentang kesan pelestarian ke atas Muzium

Masjid Sultan Abdullah.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data adalah satu proses mengumpul pembolehubah dan memilih kaedah, cara serta aspek yang sesuai untuk mengumpul data dalam sesuatu kajian. Penggunaan kaedah pengumpulan data yang betul sangat penting untuk memastikan data yang diperolehi sesuai dan tepat bagi kajian yang dijalankan. Biasanya, pengumpulan data akan menggunakan beberapa kaedah. Hal ini kerana, jika menggunakan satu kaedah sahaja, maklumat tentang persoalan kajian itu tidak dapat digambarkan. Disebabkan itu, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah dalam proses pengumpulan data. Selain itu, data ini juga diperolehi dari pelbagai sumber. Sumber data ialah cara data diperolehi. Sumber data biasanya terbahagi kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer merupakan data yang asli dan pertama. Sabitha Marican (2005) menyatakan data primer adalah data asal yang dikumpul oleh penyelidik untuk menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Data ini biasanya dikumpul daripada individu, kumpulan dan panel pakar manakala sumber pula biasanya diperolehi daripada eksperimen dan kajian lapangan seperti soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Oleh itu, bagi mengumpul data daripada sumber primer di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah seperti soal selidik, temu bual dan pemerhatian.

i) Kaedah Soal Selidik

Soal selidik adalah satu bentuk soalan dalam bentuk tulisan. Soal selidik juga merupakan salah satu alat yang dibina secara khusus untuk digunakan bagi mengumpul data bagi menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Selain itu, kaedah soal selidik ini digunakan untuk mengutip data dalam kajian secara sistematik dan formal. Soal selidik ini mempunyai dua jenis iaitu soal selidik berbentuk secara tertutup dan soal

selidik secara terbuka. Bagi soal selidik berbentuk secara tertutup adalah satu set soalan yang mana butirannya adalah ringkas dan pendek seperti “Ya” atau “Tidak” dan ragam pilihan yang disediakan.

Soal selidik berbentuk seperti ini biasanya mendapat maklumat tertentu sahaja manakala soal selidik berbentuk secara terbuka adalah satu set soalan yang jawapannya bebas dijawab oleh responden. Di dalam soal selidik berbentuk ini, ragam pilihan tidak disediakan. Tujuan penggunaannya adalah untuk mendapatkan jawapan yang lebih terperinci tentang permasalahan dan persoalan kajian. Jawapannya biasanya sukar untuk disusun, dinilai dan dijadual di dalam laporan. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik berbentuk secara tertutup untuk mendapat data tentang permasalahan dan persoalan kajian. Pengkaji akan menyediakan 200 set soalan secara *google form* bagi memudahkan data dikumpul, disusun dan dinilai oleh pengkaji. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah soal selidik adalah untuk mendapat maklumat tentang kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.

ii) Kaedah Temu Bual

Temu bual adalah satu perbualan yang melibatkan dua atau lebih orang. Temu bual biasanya dilakukan bagi tujuan memperolehi maklumat tentang sesuatu perkara atau masalah. Kaedah ini juga sangat penting dalam mendapatkan sumber data dan maklumat yang betul bagi kajian yang hendak dijalankan. Menurut Denzin (2001) temu bual harus digunakan untuk mengumpul maklumat. Selain itu, temu bual juga perlu bersifat reflektif dan mencerminkan keadaan sebenar tentang masalah yang dikaji. Di samping itu, banyak kelebihan yang pengkaji dapat apabila menggunakan kaedah ini seperti pengkaji mendapat maklumat tentang kajian dengan betul dan tepat. Oleh itu, di dalam kajian ini pengkaji akan menemu bual pihak Muzium Masjid Sultan Abdullah dan Pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang bagi mendapatkan lebih banyak maklumat tentang sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah dan proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

iii) Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah satu langkah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah sesuatu kajian. Kaedah pemerhatian juga menjadi salah satu alternatif dalam mengumpul data dan maklumat selain daripada temu bual dan soal selidik. Selain itu, menurut Malek Muhamat Said (2007), kaedah pemerhatian perlu dilakukan secara sistematik, objektif dan tepat. Tujuan penggunaan kaedah ini adalah untuk membantu penyelidik melihat secara terperinci tentang kajian berdasarkan pemboleh ubah yang dikenalpasti. Oleh itu, di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapat lebih lagi maklumat tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah. Pengkaji akan ke tapak kajian iaitu di Pekan, Pahang untuk melihat struktur dan infrastruktur yang terdapat pada Muzium Masjid Sultan Abdullah. Berdasarkan kaedah ini juga, ia dapat membantu pengkaji membuat perbezaan sebelum dan selepas suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah data yang dikumpul daripada sumber maklumat yang sedia ada. Menurut Hasan (2002), data sekunder adalah data yang diperolehi oleh seseorang yang melakukan kajian daripada sumber yang telah ada. Selain itu, data sekunder juga sering kali digunakan dalam penyelidikan di dalam sesebuah kajian. Tujuan penggunaan data sekunder adalah untuk menyokong maklumat daripada data primer. Data ini biasanya dikumpul daripada bahan pustaka, buku, internet dan sebagainya. Oleh itu, bagi menambah dan menyokong sumber primer, pengkaji akan menggunakan sumber sekunder dengan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kepustakaan dan kaedah internet.

i) Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan diertikan sebagai usaha yang dilakukan oleh penyelidik bagi menghimpunkan maklumat yang tepat dengan masalah yang sedang dikaji. Biasanya, melalui kaedah ini, maklumat atau data akan diperolehi daripada tesis, laporan, buku ilmiah dan sebagainya. Kaedah ini juga memainkan peranan penting kepada penyelidik.

Hal ini kerana melalui kaedah ini, penyelidik mendapat gambaran yang jelas tentang langkah untuk menganalisis dan mengolah data.

Terdapat beberapa proses utama yang perlu ditekankan oleh penyelidik untuk menggunakan kaedah ini seperti menganalisis, menilai, membuat kesimpulan dan membandingkan maklumat yang diperolehi daripada data. Oleh itu, bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas terhadap kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah ini dengan melihat beberapa tesis dan laporan yang berkaitan dengan suaiguna semula bangunan. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk merekabentuk kajian dan menyelesaikan beberapa persoalan dan permasalahan kajian.

ii) Kaedah Internet

Internet merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang sangat penting di dalam kajian pengkaji. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini di awal kajian untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang skop kajian pengkaji. Pengkaji juga telah melayari internet untuk mengetahui tentang sejarah, lokasi dan infrastruktur yang terdapat pada bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah dari portal rasmi Diraja Pahang. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah ini untuk mengumpul data berkaitan kajian lepas, tesis dan laporan yang berkaitan dengan suaiguna semula bangunan daripada *Google Scholar*.

Melalui internet, pengkaji dapat mencari surat khabar (Berita Harian *online*) yang memaparkan tentang perasmian semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah pada tahun 2016. Pengkaji juga akan menggunakan internet untuk menghasilkan borang soal selidik menerusi *Google Form*. Rumusannya, melalui kaedah ini, pengkaji mendapat banyak maklumat yang berkaitan dengan kajian dan membantu pengkaji untuk melaksanakan kajian ini dengan lebih teratur dan lancar.

3.4 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantuan kajian adalah alat yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan sesuatu kajian. Alat ini juga memainkan peranan penting untuk menyimpan dan

merekod data yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Alatan yang akan digunakan juga akan membantu pengkaji dalam urusan soal selidik dan pemerhatian ketika kajian dijalankan. Terdapat beberapa alat bantuan kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini seperti:

3.4.1 Telefon Bimbit

Dalam proses mendapat data berkaitan dengan kajian, pengkaji akan menggunakan telefon bimbit untuk menangkap gambar dan mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian. Hal ini kerana gambar yang diambil melalui telefon bimbit ini akan menjadi bukti sah pengkaji berada di tapak kajian dan memberi maklumat serta data yang jelas tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah untuk menghasilkan laporan serta dokumentasi. Selain itu, pengkaji akan menggunakan telefon bimbit untuk merakam audio semasa sesi menemubual Pihak Muzium Masjid Sultan Abdullah. Pengkaji juga menggunakan telefon bimbit sebagai petunjuk kepada pengkaji untuk pergi ke lokasi Muzium Masjid Sultan Abdullah.

3.4.2 Buku Catatan

Di samping itu, antara instrumen kajian yang akan digunakan oleh pengkaji adalah buku catatan. Walaupun terdapat perkembangan teknologi, buku catatan masih digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Buku catatan digunakan oleh pengkaji untuk mencatat maklumat dan data yang penting bagi kajian ini. Buku catatan juga digunakan oleh pengkaji untuk merangka ayat bagi membuat laporan dan akan digunakan untuk mereka bentuk ayat bagi borang soal selidik sebelum ditulis di *Google Form* serta merangka ayat untuk soal temu bual. Rumusannya, buku catatan juga menjadi alat yang sangat penting untuk membantu pengkaji dalam kajian ini.

3.5 ANALISIS DATA

Analisis data ialah satu proses memeriksa dan menilai data bagi tujuan mencari maklumat yang tepat untuk kajian. Menurut Bagdan dan Biklen (1982), analisis data adalah satu usaha yang dilakukan oleh penyelidik bagi mencari dan mengenalpasti

maklumat yang betul sebelum disebarkan kepada orang ramai. Analisis data ini biasanya melibatkan proses mentafsir, mengurus dan menggunakan data untuk dihasilkan dapatan dalam sesuatu kajian. Oleh itu, di akhir kajian analisis data akan digunakan untuk menghasilkan laporan kajian. Maklumat dan data akan dikumpulkan dengan menggunakan beberapa urutan aktiviti seperti memilih data, menganalisis data, mempersembahkan data dalam bentuk laporan dan menghasilkan kesimpulan bagi kajian. Kesemua maklumat dan data dalam kajian ini bersifat kualitatif.

Bagi mendapatkan maklumat dan data tentang kajian, pengkaji akan melakukan banyak perkara penting seperti menganalisis data daripada laporan, tesis dan akhbar berkaitan dengan kajian. Tujuannya adalah untuk menambah lagi maklumat dan menjadi salah satu petunjuk bagi pengkaji untuk melancarkan kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan sebaik mungkin *Google Scholar* yang menghubungkan pengkaji dengan sumber ini.

Akhir sekali, untuk mendapatkan sampel daripada responden, pengkaji perlu mendapatkan kebenaran pihak universiti terlebih dahulu. Hal ini kerana, tanpa kebenaran pihak universiti, pengumpulan data dan maklumat tidak dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, surat yang disediakan oleh pihak universiti juga menjadi bukti kajian ini perlu dilakukan oleh pengkaji kerana sesetengah pihak perlu menunjukkan surat rasmi terlebih dahulu sebelum membenarkan kajian dilakukan.

OBJEKTIF KAJIAN	PENDEKATAN KAJIAN	INSTRUMEN KAJIAN
Mengenalpasti sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah.	Kaedah kualitatif -Temu bual -Pemerhatian	Temu bual -Menemu bual responden secara Temu bual berstruktur.
Mengkaji proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan		Kaedah Persampelan -Menggunakan Persampelan kebarangkalian. -Terdiri daripada kurator dan pegawai

Abdullah.	<p style="text-align: center;">Kaedah Kuantitatif</p> <p style="text-align: center;">-Soal Selidik</p>	Perbadanan Muzium Negeri Pahang.
Menganalisis kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.		<p>Pemerhatian</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memerhati di sekeliling muzium. -Mengambil gambar sebagai bukti. <p>Soal Selidik</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menedarkan borang soal selidik. - Terdapat 4 bahagian iaitu A,B,C, dan D. <p>Kaedah Persampelan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Persampelan kebarangkalian. -Terdiri daripada komuniti setempat.

Jadual 1: Analisis Data

3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini menerangkan tentang metodologi dan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini secara menyeluruh. Di dalam bab ini, ia telah menerangkan tentang beberapa bahagian metodologi seperti reka bentuk kajian yang melibatkan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif, cara mengumpulkan data dengan menggunakan data primer dan sekunder, instrumen kajian yang melibatkan telefon bimbit, laptop dan buku catatan serta cara menganalisis data dan maklumat yang diperolehi.

Selain itu, bab ini juga menerangkan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan data seperti menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan 200 set soalan dan kaedah temu bual. Kajian ini juga akan menggunakan kaedah pemerhatian di bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah, kaedah kepustakaan yang melibatkan analisis laporan, tesis dan kajian lepas berkaitan dengan suaiguna semula bangunan serta kaedah internet. Pemilihan kaedah ini juga mengambil beberapa faktor seperti kekurangan orang yang mengetahui tentang bangunan Muzium Masjid

Sultan Abdullah dan perketatkan peraturan disebabkan negara kita masih berada di fasa endemik Covid-19.

Akhir sekali, bab ini memainkan peranan yang sangat penting dalam kajian. Hal ini kerana, tanpa bab ini, pengkaji tidak dapat maklumat dan data dengan lebih terperinci tentang kajian yang akan dijalankan. Metodologi kajian juga membimbing pengkaji dalam melaksanakan kajian tentang suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah dengan lancar dan sistematik.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1. PENGENALAN

Bab ini membincangkan data kajian yang diperolehi oleh pengkaji hasil daripada temu bual dan soal selidik. Analisis kajian ini meliputi sejarah dan proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan, Pahang serta kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.

4.2 ANALISIS DAPATAN

4.2.1 Temu Bual

Bagi kaedah temu bual, pengkaji telah menemu bual tiga orang responden daripada pelbagai latar pekerjaan seperti kurator muzium, pegawai perbadanan muzium Negeri Pahang dan ketua unit kurator Muzium Seni Pahang yang mana pernah menjadi kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah untuk mendapatkan maklumat. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas, pengkaji telah membahagikan soalan kepada dua kumpulan yang berbeza. Bagi kumpulan yang pertama adalah berkaitan dengan sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah manakala kumpulan kedua berkaitan dengan proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan, Pahang.

SEJARAH MUZIUM MASJID SULTAN ABDULLAH
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS (Kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah)
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR (Pengawai Perbadanan Muzium Negeri Pahang)
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID (Ketua Unit Kurator Muzium Seni Pahang / Bekas Kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah)

Jadual 2: Senarai Nama Responden Berkaitan Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah

PROSES SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN MUZIUM MASJID SULTAN ABDULLAH PEKAN, PAHANG.
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS (Kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah)
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR (Pengawai Perbadanan Muzium Negeri Pahang)
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID (Ketua Unit Kurator Muzium Seni Pahang / Bekas Kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah)

Jadual 3: Senarai Nama Responden Berkaitan Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan, Pahang

i) Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah

Soalan 1:

Apakah sejarah pembinaan Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Hasil analisis daripada soalan ini, didapati ketiga-tiga responden menyatakan pendapat yang hampir sama berkaitan sejarah pembinaan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

Jawapan responden adalah seperti berikut:

Jawapan	
<p>ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS</p>	<p style="text-align: center;">(Bunyi kerusi ditarik)</p> <p>Masjid Sultan Abdullah ini telah dibina pada 1929 dan siap dibina serta dirasmi pada tahun 1931. Muzium masjid ini telah dirasmi oleh KYDMM Sultan Abu Bakar yang masih menjadi Tengku Mahkota Negeri Pahang. Masjid ini telah dinamakan sempena nama KYDMM Sultan Abdullah yang merupakan Sultan bagi negeri Pahang pada ketika itu. Mengikut sejarah, pada asalnya masjid ini menggunakan seni bina Melayu atau sekayu seperti Masjid Kampung Laut di Kelantan. Disebabkan berlakunya banjir besar rangka asal masjid yang menggunakan kayu telah dihanyut kerana masjid ini berhampiran dengan sungai. Bagi menggantikan Sultan Abdullah telah membina semula masjid ini dengan menggunakan seni bina ‘Moorish’ dengan bantuan British. Faktor struktur masjid ini masih kukuh sehingga sekarang adalah kerana tukang-tukang tempatan pada zaman dahulu telah menggunakan campuran sedikit telur putih dengan pasir pada struktur masjid ini.</p>
<p>PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR</p>	<p>Masjid Sultan Abdullah ini telah dibina pada 1929 dan siap dibina pada tahun 1930. Masjid ini telah dirasmikan pada tahun 1932 oleh KDYMM Sultan Abu Bakar. Masjid ini dibina menggunakan campuran pasir dengan sedikit telur putih bagi mengukuhkan lagi struktur binaannya. Seni bina asal masjid ini adalah kayu. Selepas berlakunya banjir yang besar, masjid ini telah dibina semula dengan seni bina ‘Moorish’.</p>
<p>CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID</p>	<p>Mengikut sejarah Masjid Sultan Abdullah telah dibina pada tahun 1929 dan siap pada tahun 1930. Masjid ini telah digunakan pada tahun 1932 hingga tahun 1976.</p>

	<p>Pada asalnya, seni bina masjid ini adalah kayu. Disebabkan berlaku banjir besar di Pekan ketika itu, struktur asal telah hanyut dan terbina masjid baru dengan menggunakan seni bina 'Moorish'.</p>
--	--



Gambar 5: Reka bentuk Asal Muzium Masjid Sultan Abdullah Sebelum Dihanyut Oleh Banjir

Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah (2023)



Gambar 6: Reka bentuk Terkini Muzium Masjid Sultan Abdullah

Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah (2023)

Soalan 2:

Siapakah pengasas Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Hasil analisis daripada soalan ini didapati ketiga-tiga responden menyatakan pendapat yang sama tentang pengasas Muzium Masjid Sultan Abdullah. Jawapan responden adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Muzium Masjid Sultan Abdullah ini telah diasaskan oleh KYDMM Sultan Abdullah sendiri dengan bantuan British. Bukti dapat dilihat melalui nama masjid ini. Masjid ini telah dinamakan sempena nama baginda sendiri.
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	Pengasas Muzium Masjid Sultan Abdullah adalah KYDMM Sultan Abdullah sendiri. Namun bagi berjalan lancar baginda telah meminta bantuan British.
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	Pengasas Muzium ini adalah KYDMM Sultan Abdullah. Disebabkan pada ketika itu Pahang masih dibawah jajahan British, baginda telah meminta bantuan British bagi membina masjid ini.



Gambar 7: Pengasas Muzium Masjid Sultan Abdullah

Sumber: *House Of Pahang* (2019)

Soalan 3:

Siapakah pereka Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Analisis daripada soalan ini yang melibatkan ulasan siapa pereka Muzium Masjid Sultan Abdullah mendapati ketiga-tiga responden saling bersetuju yang mana masjid ini telah direka oleh Jabatan Kerja Raya dan arkitek dari British. Jawapan adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Masjid ini telah direka oleh arkitek British dan arkitek daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau pada zaman dahulu dikenali sebagai <i>Public Works Department</i> (PWD). Selain itu, pembinaan masjid ini juga melibatkan tukang-tukang tempatan.
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	Pereka Muzium Masjid Sultan Abdullah adalah arkitek dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan arkitek dari British. Masjid ini juga menggunakan tenaga pakar tempatan dalam membina masjid ini.
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	Jabatan Kerja Raya (JKR) dan arkitek dari British telah ditugaskan untuk membina masjid ini. Penggunaan arkitek dari British adalah kerana pada ketika itu Pahang di bawah jajahan British.

Soalan 4:

Apakah elemen dan pengaruh yang telah diaplikasikan ke atas Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Hasil analisis daripada soalan ini didapati ketiga-tiga responden menyatakan pendapat yang hampir sama tentang elemen dan pengaruh yang telah diaplikasikan ke atas Muzium Masjid Sultan Abdullah. Jawapan responden adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Pada ketika itu seni bina ‘Moorish’ agak masyhur. Hal ini menyebabkan masjid ini mengambil elemen ‘Moorish’ seperti Taj Mahal. Masjid ini dipengaruhi oleh elemen ‘Moorish’ seperti Taj Mahal adalah kerana ketika itu Pahang masih di bawah jajahan British. Jika boleh dilihat terdapat beberapa masjid dan bangunan di bawah jajahan British ketika itu mempunyai unsur-unsur India dan ‘Moorish’. Contohnya Masjid Ubudiah (Perak), Masjid Zahir (Kedah) dan Bangunan Sultan Abdul Samad(Kuala Lumpur). Selain itu, masjid ini juga direka oleh arkitek daripada British.
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	Elemen dan pengaruh yang telah diaplikasikan ke atas Muzium Masjid Sultan Abdullah adalah elemen ‘Moorish’ seperti Taj Mahal. Hal ini kerana, pada ketika itu Pahang masih di bawah jajahan British. Elemen ini boleh dilihat pada Muzium Masjid ini seperti tiang yang berbentuk kubah di dalamnya.
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	Elemen yang diterapkan pada Muzium Masjid Sultan Abdullah ini adalah elemen ‘Moorish’ berwarna putih. Rupa masjid ini seakan Taj Mahal namun masjid mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Susun atur dalaman masjid ini pula ditentukan oleh ruang dan simetri. Masjid ini juga mengambil konsep muzium dalam taman dan boleh dikunjungi oleh semua bangsa tanpa mengira agama. Manakala seni bina dalam masjid ini di keliling oleh tiang berbentuk kubah.

ii) Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan, Pahang

Soalan 1:

Apakah fungsi asal muzium ini?

Hasil analisis daripada soalan ini melibatkan ulasan tentang fungsi asal muzium. Didapati kesemua responden menyatakan pendapat yang berbeza. Jawapan adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Sebelum diubahsuai sebagai muzium, Muzium Masjid Sultan Abdullah berfungsi sebagai tempat ibadah. Akibat tidak dapat menampung jemaah yang ramai dan pembinaan masjid baru di belakangnya yang boleh menampung ramai jemaah, masjid ini telah dibiarkan kosong. Selepas itu, terdapat beberapa jawatankuasa telah mengambil alih untuk menjadi perpustakaan awam, pusat Islam, pusat kegiatan dakwah dan pusat tuisyen untuk belajar al-Quran serta bahasa Inggeris. Pada tahun 1997, Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) telah menyerahkan masjid ini kepada Pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang.
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	Fungsi asal masjid ini adalah masjid utama bagi penduduk bandar Pekan dari tahun 1932 hingga 1976. Selepas pembinaan masjid baru yang dinamakan Masjid Sultan Ahmad Shah di belakangnya, Masjid Sultan Abdullah tidak berfungsi sebagai masjid utama. Pada tahun 1985 sehingga 1994, Masjid ini dijadikan sebagai pusat dakwah dan perpustakaan Islam. Setelah itu, perbadanan muzium negeri Pahang telah mengemukakan permohonan untuk mengambil alihnya.
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	Sebelum menjadi muzium, masjid ini menjadi masjid utama bagi penduduk Pekan pada tahun 1932 hingga

	<p>1976. Selepas itu masjid ini dibiarkan kosong kerana terdapat masjid baru yang dibina di belakangnya. Setelah lama dibiarkan kosong, terdapat beberapa pihak telah mengambil alih untuk dijadikan sebagai pusat dakwah. Namun fungsi sebagai pusat dakwah tidak kekal lama dan masjid ini dibiarkan kosong semula. Akhirnya, masjid ini diambil alih oleh Pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang.</p>
--	---

Soalan 2:

Bagaimana Masjid Sultan Abdullah boleh menjadi sebuah muzium?

Analisis bagi soalan ini mendapati ketiga-tiga responden menyatakan jawapan yang hampir sama. Jawapan adalah seperti berikut:

Jawapan	
<p>ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS</p>	<p>Selepas diserahkan, Perbadanan Muzium Negeri Pahang telah berusaha untuk memelihara bangunan warisan ini dengan melaksanakan pelbagai kajian seperti restorasi bangunan. Pada tahun 2016, setelah pelbagai kajian dilaksanakan akhirnya Masjid Sultan Abdullah dijadikan sebagai muzium. Tujuan pengubahsuaian adalah untuk menjadikan Muzium Masjid Sultan Abdullah sebagai tempat penyebaran Islam.</p> <p>Pada asalnya terdapat kepincangan dalam pengubahsuaian masjid ini kepada muzium mengikut fatwa. Hal ini kerana, mengikut fatwa pengubahsuaian ini adalah satu bentuk menjatuhkan martabat masjid. Masjid merupakan bangunan yang mempunyai martabat lebih tinggi berbanding bangunan lain. Namun selepas dikaji, pengubahsuaian ini bukan satu bentuk menjatuhkan</p>

	<p>martabat masjid tetapi menambahkan lagi fungsi bagi memudahkan penyebaran Islam melalui koleksi yang dipamerkan di Muzium Masjid Sultan Abdullah.</p>
<p>PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR</p>	<p>Selepas permohonan Perbadanan Muzium Negeri Pahang untuk mengambil alih Masjid Sultan Abdullah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ke 134 pada 22 April 1997, masjid ini diserahkan kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Perbadanan Muzium Negeri Pahang bekerjasama dengan pihak ECERDC untuk membangunkan semula masjid ini sebagai sebuah Muzium islam pada tahun 2014.</p> <p>Di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, terdapat beberapa ulama tidak bersetuju dengan pengubahsuai ini mengikut fatwa. Hal ini kerana, pengubahsuai ini seperti menjatuh martabat masjid sebagai institusi keagamaan. Selepas mengkaji pengubahsuai ini bukan satu bentuk menjatuh tetapi meningkat lagi fungsinya sebagai institusi keagamaan. Sebagai contoh melalui pameran tentang Islam di muzium ini.</p>
<p>CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID</p>	<p>Selepas diambil alih, Perbadanan Muzium Negeri Pahang telah bekerjasama dengan pihak ECERDC untuk membangunkan masjid ini sebagai sebuah muzium. Selepas mengambil masa beberapa tahun akhir pada tahun 2015 muzium masjid yang berkonsepkan muzium dalam taman ini telah dibuka kepada orang ramai.</p>

Soalan 3:

Siapakah yang meminta masjid ini disuaiguna semula menjadi muzium?

Analisis daripada soalan ini didapati ketiga-tiga responden menyatakan pendapat yang sama tentang pihak yang meminta masjid disuaiguna semula menjadi muzium. Jawapan responden adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Pihak yang meminta masjid ini disuaiguna semula menjadi muzium adalah Almarhum Sultan Ahmad Shah dan KYDMM Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah. Baginda menitah Masjid Sultan Abdullah diubahsuai sebagai muzium adalah untuk mengelakkan bangunan bersejarah ini terbiar begitu saja. Selain itu, baginda juga menginginkan bangunan ini memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan luar negara.
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	KYDMM Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah menitah Masjid Sultan Abdullah diubahsuai sebagai muzium. Pengubahsuai ini untuk mengelakkan bangunan bersejarah ini terbiar begitu saja.
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	Pihak yang meminta masjid ini diubah kepada muzium adalah KYDMM Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin. Baginda menginginkan masjid ini mampu menarik lebih ramai pelancong luar ke Pekan dan melihat perkembangan Islam melalui pameran yang disediakan. Baginda juga telah merasmikan muzium masjid ini pada tahun 2016.



Gambar 8: Pihak Yang Meminta Muzium Masjid Sultan Abdullah Diubah Sebagai Muzium
Sumber: Portal Pahang Diraja (2016)

Soalan 4:

Adakah Muzium Masjid Sultan Abdullah ini berfungsi sebagai muzium sepenuh masa pada masa kini?

Analisis daripada soalan ini mendapati kesemua responden saling bersetuju yang masjid ini tidak berfungsi sebagai muzium sepenuh masa pada masa kini. Jawapan adalah seperti berikut:

Jawapan	
ENCIK AHNAF WAFI BIN ALIAS	Tidak, Muzium Masjid Sultan Abdullah ini tidak berfungsi sebagai muzium sepenuh masa. Masih terdapat ruang solat yang ditinggal bagi memudahkan staf dan pelawat untuk menunaikan solat fardu Zohor dan Asar. Pengubahsuai masjid ini bukan untuk mengurangkan identiti masjid sebagai tempat ibadah tetapi menambah lagi platform masjid ini kepada sesuatu yang memberi manfaat untuk semua. Sudah alang-alang saya ingin masukkan tentang pameran. Muzium ini mempunyai 2 tema utama iaitu sumbangan Islam dalam tamadun dunia dan sumbangan Islam di alam Melayu khususnya Pahang. Tema sumbangan Islam dalam tamadun dunia ini menerangkan bahawa Islam telah mempengaruhi dunia lebih lama berbanding Kolonial Eropah. Terdapat

	<p>beberapa artifak yang dipamerkan dalam tema ini adalah alat bedah, catur, kompas dan seramik al-Quran. Manakala, sumbangan Islam di alam Melayu khususnya Pahang menerangkan penyebaran Islam di Tanah Melayu. Antara artifak yang dipamerkan adalah hukum kanun Pahang, batu nisan batu pasir bukti bahawa Pahang merupakan negeri terawal menerima Islam yang bertarikh 1028 Masihi yang lebih lama dari pada batu bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masihi dan Al-Quran tulisan tangan.</p>
PUAN JUNAINAH BINTI JAAFAR	<p>Tidak, Muzium Masjid Sultan Abdullah ini tidak berfungsi sebagai muzium sepenuh masa. Walaupun menjadi muzium, Muzium Masjid Sultan Abdullah ini masih mempunyai ruang solat. Ruang ini digunakan bagi memudahkan staf dan pelawat untuk menunaikan solat fardu Zohor dan Asar.</p>
CIK HANA DIYANAH BINTI ABDUL HAMID	<p>Tidak, masjid ini tidak berfungsi sebagai muzium sepenuh masa. Walaupun diubahsuai sebagai muzium masjid ini masih dilengkapi dengan ruang solat. Ruang solat ini bukan sahaja boleh digunakan oleh pegawai malahan para pengunjung juga boleh menggunakannya. Muzium ini mengandungi beberapa komponen utama iaitu ruang solat, ruang diskusi, ruang ilmiah dan ruang pameran. Selain itu, muzium masjid ini juga dilengkapi dengan kolam dan pancuran air serta info di hadapannya.</p>



Gambar 9: Ruang Solat Yang Disediakan
Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah (2023)





Gambar 10: Antara Artifak Dan Koleksi Yang Dipamerkan
Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah (2023)

4.2.2 Soal Selidik

Pengkaji juga menggunakan set soal selidik bagi mendapatkan data di dalam penyelidikan ini. Sebanyak 200 set soal selidik telah diedarkan menggunakan aplikasi *Google Form* kepada penduduk setempat. Di dalam kajian ini, responden adalah dipilih secara rawak. Analisis data dibuat menggunakan kaedah perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratus dan min.

Data soal selidik ini adalah berkaitan dengan kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat. Proses menganalisis soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bagi bahagian A, ia melibatkan soalan tentang maklumat latar belakang responden seperti jantina, umur dan pekerjaan. Bahagian B melibatkan soalan tentang pengetahuan responden, bahagian C melibatkan soalan tentang kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat dan bahagian D pula melibatkan soalan tentang cadangan untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai.

i) Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden

Di dalam set soal selidik di bahagian A, terdapat tiga item yang menerangkan demografi responden dari segi jantina, umur dan pekerjaan. Hasil analisis ditunjukkan dalam jadual kekerapan dan peratus seperti dalam jadual 4, 5, dan 6.

1) Jantina

Jadual 4 menunjukkan keseluruhan responden mengikut jantina.

JANTINA	<i>f</i>	%
Lelaki	88	43.5%
Perempuan	112	56.5%
JUMLAH	200	100

Jadual 4: Keseluruhan Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan keseluruhan responden mengikut jantina yang mana seramai 88 orang responden (43.5%) merupakan lelaki manakala 112 (56.5%) adalah perempuan. Ini menunjukkan golongan perempuan lebih berminat menjawab soal selidik berbanding lelaki atas faktor tertentu.

2) Umur

Jadual 5 menunjukkan keseluruhan responden mengikut umur.

UMUR	<i>f</i>	%
20-30 Tahun	76	38
31-40Tahun	95	47.5
41-50 Tahun	22	11
51 Tahun keatas	7	3.5
JUMLAH	200	100

Jadual 5: Keseluruhan Responden Mengikut Umur

Jadual 5 pula menunjukkan keseluruhan bilangan dan peratus responden mengikut umur. Kebanyakan responden terdiri daripada yang berumur 31-40 tahun iaitu sebanyak 95 orang (47.5%) dan diikuti dengan responden 20-30 tahun sebanyak 76 orang (38%). Jumlah yang paling rendah adalah 51 tahun dan ke atas iaitu sebanyak 7 orang (3.5%) manakala bagi responden 41-50 tahun adalah seramai 22 orang (11%).

3) Pekerjaan

Jadual 6 menunjukkan keseluruhan responden mengikut pekerjaan.

PEKERJAAN	<i>f</i>	%
Kerajaan	50	25
Swasta	72	36
Bekerja Sendiri	33	16.5
Tidak bekerja	12	6
Pelajar	33	16.5
JUMLAH	200	100

Jadual 6: Keseluruhan Responden Mengikut Pekerjaan

Jadual 6 menunjukkan keseluruhan bilangan dan peratus responden mengikut pekerjaan. Pekerjaan yang mencatat peratus yang paling banyak adalah sektor swasta

iaitu sebanyak 36% iaitu seramai 72 orang manakala kedua terbanyak adalah daripada sektor kerajaan iaitu sebanyak 25% atau seramai 50 orang. Bagi pelajar dan bekerja sendiri mencatat peratus yang sama iaitu 16.5% iaitu seramai 33 orang. Peratus yang mencatat peratus terendah adalah tidak bekerja iaitu sebanyak 6% yang melibatkan 12 orang responden.

ii) Bahagian B: Analisis Pengetahuan Responden

Analisis pada bahagian B adalah untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan responden terhadap Muzium Masjid Sultan Abdullah. Maklum balas yang diberikan oleh responden dikategorikan kepada dua bahagian jawapan iaitu ‘Ya’ atau ‘Tidak’ manakala soalan yang terakhir di bahagian B dikategorikan kepada tiga bahagian jawapan iaitu ‘Selalu’, ‘Jarang’ dan ‘Tidak Pernah’. Hasil analisis ditunjukkan dalam jadual kekerapan, peratus dan min seperti dalam jadual 7 dan 8.

1) Analisis pengetahuan responden bagi soalan 1 hingga 3

Jadual 7 menunjukkan keseluruhan pengetahuan responden bagi soalan 1 hingga 3.

Bil	Pernyataan	Ya		Tidak	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1	Adakah anda mengetahui tentang kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah?	177	88.5	23	11.5
2	Adakah anda mengetahui tentang sejarah muzium masjid ini?	66	33	134	67
3	Adakah anda menerima pengubahsuaian masjid ini menjadi sebuah muzium?	155	77.5	45	22.5

Jadual 7: Keseluruhan Pengetahuan Responden Bagi Soalan

1 Hingga 3

Berdasarkan pernyataan yang pertama iaitu adakah anda mengetahui tentang kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah menunjukkan majoriti responden memilih jawapan 'Ya' iaitu sebanyak 177 orang (88.5%) manakala yang menjawab tidak adalah sebanyak 23 orang (11.5%). Kebanyakan responden memilih jawapan 'Ya' adalah kerana Muzium Masjid Sultan Abdullah ini berada di tepi laluan utama dan berhampiran dengan Muzium Sultan Abu Bakar.



Gambar 11: Lokasi Masjid Sultan Abdullah
Sumber: Muzium Pahang (2019)

Analisis bagi pernyataan yang kedua pula iaitu adakah anda mengetahui tentang sejarah muzium masjid ini mendapati majoriti responden memilih jawapan 'Tidak' iaitu sebanyak 134 orang (67%) manakala yang menjawab jawapan 'Ya' adalah sebanyak 66 orang (33%). Majoriti memilih jawapan 'Tidak' adalah kerana kekurangan sumber berkaitan dengan muzium masjid ini di media massa dan penduduk di kawasan ini pula tidak berminat untuk membaca walaupun di luar muzium masjid ini disediakan papan tanda tentang maklumat dan sejarah tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah.

Bagi pernyataan yang ketiga iaitu adakah anda menerima pengubahsuaian masjid ini menjadi sebuah muzium didapati majoriti responden memilih jawapan 'Ya' iaitu sebanyak 155 orang bersamaan 77.5% berbanding dengan 45 orang (22.5%) yang memilih jawapan 'Tidak'.

2) Analisis pengetahuan responden bagi soalan 4

Jadual 8 menunjukkan keseluruhan pengetahuan responden bagi soalan 4.

Bil	Pernyataan	Selalu		Jarang		Tidak pernah	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1	Berapa kerapkah anda melawat Muzium Masjid Sultan Abdullah?	9	4.5	117	58.5	74	37

Jadual 8: Keseluruhan Pengetahuan Responden Bagi Soalan 4

Akhir sekali bagi pernyataan yang keempat iaitu berapa kerapkah anda melawat Muzium Masjid Sultan Abdullah menunjukkan majoriti menjawab ‘Jarang’ iaitu sebanyak 117 orang (58.5%). Bagi yang kedua tertinggi adalah ‘Tidak Pernah’ iaitu 74 orang (37%) manakala ‘Selalu’ merupakan jawapan yang paling rendah dipilih oleh responden iaitu sebanyak 9 orang responden (4.5%). Bagi responden yang memilih jawapan ‘Selalu’, mereka ini terdiri daripada pegawai dan pekerja di muzium ini.

iii) Bahagian C Dan D: Analisis Data Persoalan Kajian Dan Cadangan

Analisis data pada bahagian C dan D dilaksanakan bagi tujuan menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan di dalam bab 1. Maklum balas oleh responden dibahagikan kepada lima kategori iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju. Di bawah merupakan skala *likert* bersama *point* untuk pengiraan min bagi kelima- lima kategori ini.

Skala	Pernyataan	Point
1	Sangat Tidak Setuju	1
2	Tidak Setuju	2
3	Tidak Pasti	3
4	Setuju	4
5	Sangat Setuju	5


Jadual 9: Jadual Skala *Likert* Bersama *Point* Untuk Pengiraan Min

Pertimbangan skor min pula dilakukan mengikut skor min yang diperolehi daripada setiap persoalan kajian yang berkaitan bagi tujuan memudahkan pengkaji mendapat pertimbangan. Pengkaji telah menggunakan rumusan di bawah untuk mendapat nilai julat yang seimbang untuk setiap tahap yang dikehendaki:

5 (Peringkat skala lima aras) -1

$$\frac{\quad}{3 \text{ (pembahagian tahap)}} = 1.33$$

Maka,



Pengkaji juga turut membahagikan pertimbangan kepada tiga bahagian iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi berdasarkan skor min dan pertimbangan min yang diperolehi dalam setiap persoalan kajian mengikut jadual 9:

Nilai min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-4.99	Tinggi

Jadual 10: Keseluruhan Nilai Min Mengikut Tahap

1) Analisis persoalan kajian

“Apakah kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat?”

Persoalan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui kesan pelestarian Masjid Sultan

Abdullah kepada komuniti setempat. Bagi mendapatkan lebih banyak maklumat, persoalan ini ditimbulkan dan mempunyai tujuh pernyataan. Hasil analisis adalah seperti jadual 11 di bawah:

Bil	Pernyataan	STS		TS		TP		S		SS		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
1	Jumlah pelancong samada luar dan dalam negara bertambah selepas Masjid Sultan Abdullah diubah menjadi muzium.	4	2	5	2.5	72	36	75	37.5	44	22	3.75
2	Pelestarian ini membuat ekonomi di kawasan anda berkembang dengan pesat dan peluang pekerjaan bertambah.	2	1	6	3	65	32.5	83	41.5	44	22	3.81
3	Pelestarian muzium masjid ini meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti kedai makan, kedai cenderahati, jalan raya, stesen bas dan kemudahan lain.	1	0.5	8	4	59	29.5	85	42.5	47	23.5	3.8
4	Kemudahan ini disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan pelancong ke muzium ini.	3	1.5	8	4	62	31	79	39.5	48	24	3.81
5	Kesan pelestarian ini anda didedahkan dengan budaya tempatan seperti makanan warisan puding diraja.	3	1.5	5	2.5	60	30	82	41	50	25	3.86
6	Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah ini membuat anda lebih menghargai bangunan warisan yang ada di kawasan anda.	3	1.5	7	3.5	57	28.5	82	41	51	25.5	3.86
7	Gaya hidup anda berubah selepas pelestarian muzium masjid ini seperti kerap terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium.	3	1.5	15	7.5	122	61	40	20	20	10	3.3

Jadual 11: Keseluruhan Responden Terhadap Kesan Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Komuniti Setempat

Berdasarkan jadual 11 menunjukkan analisis keseluruhan responden berdasarkan kekerapan, peratusan dan min terhadap kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.

Hasil dapatan yang diperolehi daripada pernyataan lima (5) dan enam (6) didapati kedua-dua pernyataan ini mencatat nilai min yang sama dan tertinggi iaitu sebanyak 3.86. Seramai 82 orang (41%) dan 50 orang (25%) menyokong dengan bersetuju serta sangat bersetuju dengan pernyataan lima (5) iaitu kesan pelestarian ini membolehkan mereka didedahkan dengan budaya tempatan seperti makanan warisan Puding Diraja berbanding 5 orang (2.5%) dan 3 orang (1.5%) memilih tidak menyokong dengan memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala, 60 orang (30%) lagi memilih tidak pasti dengan pernyataan ini.



Gambar 12: Makanan Warisan Puding

Sumber: *Google Images*

Di samping itu, bagi pernyataan enam (6), seramai 82 orang (41%) dan 51 orang (25.5%) menyokong dengan memilih setuju serta sangat setuju bahawa pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah ini membuatkan mereka lebih menghargai bangunan warisan yang ada di kawasan mereka manakala 57 orang (28.5%) memilih tidak pasti dengan pernyataan ini. Terdapat juga responden tidak menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju iaitu seramai 3 orang (1.5%) serta 7 orang (3.5%).

Seterusnya, bagi pernyataan dua (2) dan empat (4) mencatat nilai min kedua tertinggi iaitu 3.81. Bagi pernyataan dua (2) menunjukkan seramai 83 orang responden (41.5%) dan 44 orang responden (22%) menyokong dengan pernyataan ini iaitu pelestarian masjid ini membuat ekonomi di kawasan mereka berkembang dan peluang

pekerjaan bertambah dengan memilih setuju dan sangat setuju berbanding 65 orang (32.5%) memilih tidak pasti dengan pernyataan ini. Manakala, seramai 6 orang (3%) dan 2 orang (1%) tidak menyokong dengan memilih tidak setuju serta sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan empat (4), seramai 79 orang (39.5%) dan 48 orang (24%) menyokong dengan memilih setuju serta sangat setuju bahawa kemudahan infrastruktur disediakan oleh kerajaan demi menggalakkan pelancong ke muzium ini. Manakala, 62 orang (31%) memilih tidak pasti dengan pernyataan ini. Terdapat juga responden tidak menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju iaitu masing-masing seramai 3 orang (1.5%) serta 8 orang (4%).

Penyataan tiga (3) pula iaitu pelestarian muzium ini meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti kedai makan, kedai cenderahati, jalan raya, stesen bas dan kemudahan lain menunjukkan nilai min pada tahap tinggi iaitu 3.80. Pengkaji mendapati 85 orang (42.5%) dan 47 orang (23.5%) menyokong pernyataan ini dengan memilih setuju serta sangat setuju berbanding 8 orang (4%) serta seorang (0.5%) tidak menyokong dengan memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala, seramai 59 orang (29.5%) pula tidak pasti dengan pernyataan ini.



Gambar 13: Antara Kedai Yang Popular Yang Berada Berhampiran Muzium Ini

Sumber: *Google Images*

Bagi pernyataan satu (1) iaitu jumlah pelancong samada luar dan dalam negara bertambah selepas Masjid Sultan Abdullah diubah sebagai sebuah muzium didapati 75 orang (37.5%) bersetuju terdapat pertambahan jumlah pelancong di kawasan mereka selepas masjid ini diubah sebagai muzium manakala 72 orang(36%) tidak pasti dengan pernyataan ini. Seramai 44 orang (22 %) memilih sangat setuju dan 5 orang (2.5%) memilih tidak setuju. Jumlah yang paling sedikit dipilih oleh responden adalah sangat tidak setuju iaitu sebanyak 4 orang (2%). Nilai min bagi pernyataan ini berada di tahap yang tinggi iaitu 3.75.

Bagi pernyataan tujuh (7) iaitu gaya hidup anda berubah selepas pelestarian muzium masjid ini seperti kerap terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium menunjukkan nilai min pada tahap sederhana dan yang paling sedikit iaitu sebanyak 3.30. Didapati 122 orang (61%) tidak pasti dengan pernyataan ini manakala 40 orang (20%) dan 20 orang (10%) menyokong pernyataan ini. Seramai 15 orang (7.5 %) memilih tidak setuju dan jumlah yang paling sedikit dipilih oleh responden adalah sangat tidak setuju iaitu sebanyak 3 orang (1.5 %).

Mengikut analisis bagi persoalan iaitu kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat, pernyataan lima (5) dan enam (6) mencatat nilai min tertinggi iaitu 3.86 diikuti dengan pernyataan dua (2) dan empat (4) iaitu sebanyak 3.81. Item lain yang berada dalam kategori tinggi ialah pernyataan tiga (3) dan satu (1) iaitu sebanyak 3.80 dan 3.75 manakala pernyataan tujuh (7) mencatat nilai min yang sederhana iaitu sebanyak 3.30. Secara keseluruhannya, kesemua pernyataan yang diberi mencatat nilai min yang tinggi kecuali pernyataan tujuh (7). Ini membuktikan bahawa kesan pelestarian Masjid Sultan Abdullah memberi kesan positif kepada komuniti setempat.

2) Analisis Cadangan

Persoalan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui cadangan untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai. Bagi mendapatkan lebih banyak maklumat tentang cadangan ini, pengakji telah mengemukakan lima pernyataan. Hasil analisis adalah seperti jadual 12 di bawah:

Bil	Pernyataan	STS		TS		TP		S		SS		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
1	Mempromosikan Muzium Masjid Sultan Abdullah melalui media massa seperti <i>tiktok, Facebook</i> , Negeri Pahang.	6	3	1	0.5	8	4	81	40.5	104	52	4.38
2	Kerajaan negeri perlu peruntukan dana bagi menaiktaraf Muzium Masjid Sultan Abdullah bagi menarik perhatian pelancong.	6	3	3	1.5	9	4.5	84	42	98	49	4.33
3	Pihak muzium perlu mempelbagaikan aktiviti seperti lawatan pelajar bagi menggalakkan kehadiran pelancong.	5	2.5	2	1	8	4	83	41.5	102	51	4.38
4	Meletakkan papan tanda bagi memudahkan orang ramai melihat akan kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah	5	2.5	2	1	6	3	86	43	101	50.5	4.38
5	Menambah koleksi tentang tamadun Islam di Muzium Masjid Sultan Abdullah.	6	3	6	3	65	32.5	58	29	65	32.5	3.85

Jadual 12: Keseluruhan Responden Terhadap Cadangan Untuk Memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Orang Ramai

Berdasarkan jadual 12 menunjukkan analisis keseluruhan responden berdasarkan kekerapan, peratusan dan min terhadap cadangan untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai.

Hasil dapatan yang diperolehi daripada pernyataan satu (1), tiga (3) dan empat (4) mencatat nilai min yang sama dan tertinggi iaitu sebanyak 4.38. Bagi pernyataan satu (1) iaitu mempromosikan Muzium Masjid Sultan Abdullah melalui media massa seperti *Tiktok, Facebook* dan laman web Pelancongan Negeri Pahang menunjukkan

seramai 104 orang (52%) dan 81 orang (40.5) menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat setuju dan setuju. Manakala, 8 orang (4%) memilih tidak pasti. Terdapat juga responden tidak menyokong pernyataan ini dengan memilih tidak setuju iaitu sebanyak seorang (0.5%) dan 6 orang (3) memilih sangat tidak setuju.

Berdasarkan pernyataan tiga (3) iaitu pihak muzium perlu mempelbagaikan aktiviti seperti lawatan pelajar bagi menggalakkan kehadiran pelancong seramai 102 orang (51%) dan 83 orang (41.5) memilih menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat setuju dan setuju. Manakala, yang tidak menyokong pula adalah sebanyak 5 orang (2.5%) dan 2 orang (1%) memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju. Tidak pasti pula mendapat 8 orang responden (4%) sahaja.

Bagi pernyataan empat (4) iaitu meletakkan papan tanda bagi memudahkan orang ramai melihat akan kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah menunjukkan seramai 5 orang (2.5%) dan 2 orang (1%) memilih tidak menyokong pernyataan dengan memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala, yang tidak pasti pula adalah sebanyak 6 orang (3%). Seramai 101 orang (50.5%) dan 86 orang (43%) menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat setuju dan setuju. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, papan tanda muzium masjid ini agak usang dan menyukarkan pengkaji untuk melihatnya.

Berdasarkan pernyataan dua (2) iaitu kerajaan negeri perlu memberikan peruntukan dana bagi menaiktaraf Muzium Masjid Sultan Abdullah demi menarik perhatian pelancong menunjukkan seramai 84 orang (42%) dan 98 orang (49%) menyokong dengan bersetuju serta sangat bersetuju dengan pernyataan ini berbanding 3 orang (1.5%) dan 6 orang (3%) memilih tidak menyokong dengan memilih tidak setuju serta sangat tidak setuju. Manakala, 9 orang (4.5%) memilih tidak pasti dengan pernyataan ini. Nilai min bagi pernyataan ini berada dalam tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.33.

Merujuk kepada pernyataan lima (5) menunjukkan nilai min yang tinggi dan paling rendah berbanding pernyataan lain iaitu sebanyak 3.85 yang mana seramai 58 orang (29%) dan 65 orang (32.5%) menyokong dengan memilih setuju serta sangat


setuju Muzium Masjid Sultan Abdullah perlu menambah koleksi tentang tamadun Islam. Manakala, 65 orang (32.5%) memilih tidak pasti dengan pernyataan ini. Terdapat juga responden tidak menyokong pernyataan ini dengan memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju iaitu seramai 6 orang (3%) bagi pernyataan masing-masing.

Mengikut analisis bagi cadangan untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai menunjukkan pernyataan satu (1), tiga (3) dan empat (4) mencatat nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.38 dan diikuti dengan pernyataan dua (2) iaitu sebanyak 4.33 dan pernyataan lima (5) iaitu sebanyak 3.85. Secara keseluruhannya, kesemua pernyataan yang dikemukakan mencatat nilai min yang tinggi. Ini membuktikan bahawa komuniti setempat bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai.


4.4 RUMUSAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual diperolehi daripada dua kumpulan iaitu hasil tentang sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah dan hasil tentang proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah. Ini berdasarkan kepada pernyataan di bawah:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Carta Alir 1: Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah



Carta Alir 2: Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah

4.5 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa pengkaji telah merangka secara mendalam tentang data yang diperolehi melalui soal selidik dan temu bual. Kesemua data yang dianalisis mengikut kepada persoalan yang telah ditetapkan pada bab 1. Oleh itu, seramai 200 responden yang mempunyai pelbagai latar belakang telah dipilih untuk mengkaji kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat manakala tiga responden yang mempunyai pelbagai latar belakang pekerjaan telah dipilih untuk ditemu bual. Hasil analisis yang diperolehi melalui temu bual dan soal selidik menyaksikan majoriti responden mengetahui tentang kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

Hasil analisis kajian melalui soal selidik mendapati majoriti responden kurang mengetahui tentang sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah walaupun mereka mengetahui kewujudan masjid ini. Namun, penerimaan mereka terhadap suaiguna semula masjid ini berapa pada tahap yang memuaskan. Selain itu, kesemua responden menyatakan bahawa kesan pelestarian Masjid Sultan Abdullah memberi kesan positif kepada komuniti setempat. Di samping itu, mereka juga bersetuju dengan cadangan untuk memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada orang ramai. Hal ini kerana, majoriti pernyataan yang diberi melalui soalan ini berada pada tahap yang tinggi. Dengan adanya cadangan seperti ini boleh meningkatkan jumlah pelancong ke muzium ini dan dapat memelihara serta memulihara Muzium Masjid Sultan Abdullah untuk generasi akan datang khususnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini merangkumi kesimpulan keseluruhan bab tentang tajuk kajian iaitu Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah bermula daripada bab I hingga bab V. Bagi rumusan bab ini akan meliputi pengenalan, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji. Selain itu, rumusan yang dihasilkan adalah mengikut hasil dapatan yang diperolehi berdasarkan tiga orang responden melalui temu bual dan jawapan yang diberikan oleh 200 orang responden melalui soal selidik. Manakala, bab akhir merangkumi rumusan dan cadangan bagi tajuk ini.

5.2 RINGKASAN

Rumusan bab 1 membahas tentang pendahuluan kajian yang meliputi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan kesimpulan. Suaiguna semula atau penyesuaigunaan semula didefinisikan sebagai satu proses pemuliharaan yang bijak bagi memastikan bangunan bersejarah atau warisan dapat diberi nafas baru dan dipelihara (Iilawati, 2008). Bab ini turut membahaskan tentang permasalahan kajian yang melibatkan kurangnya pengetahuan oleh generasi muda terutamanya rakyat Pahang sendiri terhadap Muzium Masjid Sultan Abdullah di Pekan, Pahang yang berpunca daripada pembinaan masjid moden yang menyebabkan masjid ini akan kehilangan nilai warisannya. Selain itu, permasalahan lain adalah disebabkan oleh

kurangnya promosi oleh kerajaan Negeri Pahang menyebabkan muzium masjid ini tidak dikenali oleh orang ramai terutama generasi muda Pahang. Di dalam bab ini juga terdapat tiga persoalan dan tiga objektif iaitu merangkumi apakah sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah, bagaimanakah proses suaiguna semula bangunan Muzium Sultan Abdullah dilakukan dan apakah kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat. Seterusnya, bab ini turut membincangkan tentang kepentingan kajian yang melibatkan individu, masyarakat dan negara. Untuk kerangka teori pula, pengkaji telah menggunakan Teori Persepsi. Menurut Gibson (1989), teori persepsi adalah satu proses bagi seseorang individu dalam memahami dunia berdasarkan pancainderanya.

Bab II pula membahaskan tentang sorotan kajian. Sorotan kajian membawa maksud penyelidikan semula secara ilmiah terhadap penulisan terdahulu dan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji. Sorotan kajian juga dikenali sebagai 'literature review'. Perkataan 're' membawa maksud buat semula manakala 'view' membawa maksud menyelidiki. Di dalam sorotan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti sebanyak 16 sorotan kajian untuk membahaskan tentang tajuk ini. Sorotan ini terbahagi kepada beberapa isi utama iaitu definisi suaiguna semula, masjid, muzium dan sultan.

Bab III membincangkan tentang metodologi kajian yang melibatkan kaedah penyelidikan iaitu kaedah campuran. Untuk kaedah kualitatif, pengkaji telah menggunakan pemerhatian dan temu bual bagi mendapatkan data secara terus manakala kaedah kuantitatif pula, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 200 responden untuk mendapatkan maklumat persoalan yang ketiga. Bagi pengumpulan data, pengkaji telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer melibatkan kaedah soal selidik, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian dan data sekunder pula melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah internet. Analisis data pula adalah segala maklumat akan dianalisis dengan menggunakan kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji.

Bab IV pula membincangkan tentang analisis data yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Di dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan tentang sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah. Selain itu, pengkaji juga menghuraikan

tentang proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah dan kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat. Di dalam bab ini juga, pengkaji telah melibatkan tiga responden bagi soal temu bual untuk mendapatkan maklumat bagi persoalan satu dan dua serta pengkaji turut menggunakan 200 orang responden bagi soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan tiga.

5.3 SARANAN DAN CADANGAN

Proses suaiguna semula telah memberi nafas baharu kepada Muzium Masjid Sultan Abdullah dan memberi kesan yang positif kepada penduduk setempat. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh semua pihak untuk memastikan pelestarian masjid ini kekal sehingga generasi akan datang. Antaranya ialah:

5.3.1 Menggalakkan Lebih Ramai Pelajar Menjalankan Kajian

Antara cadangan penambahbaikan adalah menggalakkan lebih ramai pelajar menjalankan kajian tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah. Disebabkan maklumat tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah ini agak terhad, pengkaji berharap lebih ramai pelajar menjalankan kajian tentang muzium ini. Hal ini kerana muzium ini mempunyai banyak keunikan dan kelebihan yang boleh dikaji. Selain itu, hasil dapatan kajian ini boleh memberi rujukan kepada pengkaji akan datang untuk meluaskan lagi skop kajian tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah.

5.3.2 Usaha Pihak Muzium Untuk Memperkenalkan Muzium Ini Kepada Orang Ramai

Pihak muzium merupakan orang yang sangat penting bagi memperkenalkan muzium ini kepada orang ramai. Oleh itu, pihak muzium perlu menjalankan beberapa aktiviti yang menarik demi menggalakkan orang ramai untuk melawat muzium ini seperti hari terbuka, virtual muzium dan lawatan pelajar ke muzium. Dengan adanya aktiviti seperti

ini, tidak mustahil lebih ramai orang terutamanya orang Pahang mengetahui tentang kewujudan dan sejarah muzium masjid ini.

5.3.3 Melestarikan Semula Masjid ini

Pengkaji berharap pihak muzium boleh melestarikan semula masjid ini seperti menukar dan menambah papan tanda serta papan maklumat bagi memudahkan pelawat untuk melihat masjid ini. Hal ini kerana, berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati papan tanda muzium masjid ini agak usang dan menyukarkan pengkaji untuk melihatnya. Dengan adanya papan tanda yang mudah untuk dilihat, tidak mustahil lebih ramai pelawat boleh melihat dan seterusnya melawat muzium ini.

5.3.4 Menjadi Salah Satu Produk Pelancongan Di Pahang

Antara cadangan lain ialah pihak kerajaan negeri Pahang perlu menjadikan muzium masjid ini salah satu produk pelancongan di Pahang. Hal ini kerana, muzium masjid ini mempunyai sejarah dan keunikan yang tersendiri yang perlu diketahui oleh semua pihak termasuk rakyat Pahang sendiri. Selain itu, dengan menjadi sebagai produk pelancongan muzium ini boleh bersaing dengan sihat dengan muzium lain di negeri Pahang seperti Muzium Sultan Abu Bakar dan Muzium Sungai Lembing

5.3.5 Mempromosikan Di Media

Pihak kerajaan negeri Pahang juga merupakan pihak yang penting dalam menaikkan dan memperkenalkan muzium masjid ini kepada orang ramai. Oleh itu, Pihak kerajaan negeri Pahang dan pihak muzium perlu bergading bahu untuk mempromosikan masjid ini di media massa seperti *Tiktok*, *portal rasmi* dan *facebook* untuk menggalakkan lebih ramai pelancong untuk melawat muzium ini. Hal ini kerana, berdasarkan pemerhatian pengkaji Muzium Masjid ini jarang dihebohkan di media massa seperti Muzium Sultan Abu Bakar walaupun muzium ini berada berdekatan. Selain itu, disebabkan media massa ini bersifat global muzium masjid ini akan mudah untuk diperkenalkan kepada orang ramai termasuk rakyat Pahang sendiri.

5.3.6 Memperkenalkan Teknologi Dalam Pemuziuman di Muzium

Seterusnya, cadangan terakhir adalah pihak muzium perlu memperkenalkan teknologi dalam pemuziuman di muzium ini. Pihak muzium boleh mengambil contoh Muzium Kesenian Islam Malaysia yang menggunakan teknologi muzium maya atau virtual muzium untuk memudahkan orang yang tidak dapat menghadiri muzium ini melihat artifak dan pameran yang disediakan. Di samping itu, virtual muzium ini juga boleh menunjukkan keunikan yang terdapat pada muzium ini. Selanjutnya, pihak muzium ini juga perlu menyediakan aktiviti yang menarik dengan menggunakan teknologi seperti tablet dan paparan skrin untuk menarik golongan muda untuk hadir ke muzium ini. Sebagai contoh Muzium Budaya Borneo yang menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik dengan teknologi terkini untuk menarik golongan muda ke muzium. Oleh itu, muzium masjid ini perlu memanfaatkan teknologi pemuziuman bagi menarik lebih ramai orang untuk melawat muzium .

5.4 PENUTUP

Sebagai rumusannya, proses suaiguna semula atau penyesuaigunaan semula bangunan bersejarah bukanlah satu proses baru malahan proses ini telah lama digunakan di negara luar seperti negara Britain dan negara eropah yang lain. Proses ini dijalankan selepas mereka menyedari tentang kepentingan bangunan bersejarah yang terdapat di negara mereka. Walaupun proses ini kurang diamalkan di Malaysia namun terdapat juga bangunan bersejarah telah diberikan nafas baru selepas proses pemuliharaan dan pemeliharaan ini dijalankan salah satunya Muzium Masjid Sultan Abdullah. Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan muzium masjid ini adalah bertujuan untuk menyebarkan ajaran islam dan mempertahankan bangunan bsejarah ini kepada generasi akan datang.

Selain itu, melalui kajian ini dapat dilihat proses suaiguna semula muzium masjid ini juga banyak memberi kesan yang positif dalam kalangan penduduk setempat seperti pendapatan dan kemudahan infrastruktur bertambah. Pertambahan ini berpunca daripada peningkatan pelancong di kawasan ini selepas muzium masjid ini dilestarikan.

Selanjutnya, pengkaji berharap kajian ini adalah jelas dan mudah difahami oleh semua khususnya penduduk Pekan, Pahang tentang proses suaiguna semula bangunan. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada pengkaji yang akan datang berkaitan dengan kajian tentang Muzium Masjid Sultan Abdullah dan mereka dapat memartabatkan bangunan bersejarah ini. Selain itu, melalui kajian ini, bangunan warisan ini dapat diperkenalkan dan sekaligus dapat dipelihara dan dipulihara agar generasi akan datang mengetahui kewujudan dan sejarah muzium masjid ini.

Akhir sekali, diharapkan kajian yang dijalankan ini memberi kesedaran kepada semua pihak khususnya pihak kerajaan negeri Pahang untuk meningkatkan lagi proses suaiguna di bangunan bersejarah untuk mengekalkan bangunan ini sehingga generasi akan datang. Salah satu bangunan bersejarah yang harus disuaiguna semula adalah Istana Lebai Tunggal. Hal ini kerana, istana ini telah lama dibiarkan tanpa pemuliharaan dan pemeliharaan meskipun bangunan warisan yang banyak menyimpan sejarah dan keunikan yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji berharap dengan kajian ini lebih ramai pihak menyedari tentang kepentingan proses pemuliharaan dan pemeliharaan ini kepada bangunan bersejarah seperti di negara Eropah.

RUJUKAN

- Chow Kon Yeow (2019). Guna Semula Fire Station Selepas 111 Tahun. Sinar Harian
- Sahrani et al (2011). Keberkesanan Institusi Masjid Dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes. Tidak Diterbitkan M.A Thesis Universiti Teknologi Mara.
- Daeng Haliza Daeng Jamal et al (2019). Nilai intrinsik komuniti Setempat: Tinjauan Ke Atas Pendekatan Suaiguna Semula Bangunan Bersejarah di Perak. Tidak Diterbitkan M.A Tesis, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan,Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Hidzir Sairan (2011). Peranan Muzium Kepada Masyarakat: Kajian Kes Di Muzium Kota Tinggi, Johor. Tidak Diterbitkan Final Project thesis,Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan,Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Kassim Thukiman (2020). Peranan Raja-Raja Melayu Stabilkan Politik Negara. Berita Harian.
- Lilawati Ab Wahad et, al. (2007). Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Sebagai Hotel.Tidak Diterbitkan M.A Thesis, Universiti Teknologi Mara (UITM).
- Muhammad Ikhlas Rosele et; al (2018). Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang.Tidak Diterbitkan M.A Thesis,Univeristi Malaya (UM).
- Nazri Muslim (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Sudut Perlembagaan. Tidak Diterbitkan M.A Thesis,Universiti Kebangsaan Malaysia.(UKM).
- Nor Asyikin Mat Hayin (2018). Muzium Tertua Negara. Harian Metro.

- Nor Hayati Fatmi Talib et al (2011). Masjid Pusat Perkembangan Tamadun Islam. Tidak Diterbitkan M.A Thesis, State Islamic University Ar-Raniry, Aceh, Indonesia.
- Nor Siman binti Lakassa (2007). Pengurusan Koleksi Zoologi di Muzium Sarawak. Tidak Diterbitkan M.A Thesis, Universiti Malaysia Sarawak.
- Rafidah Abdullah et al (2012). Program Kenali Muzium: Impak Terhadap Muzium, Pendidikan dan Masyarakat. Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Rais Yatim (2015). Raja Pemegang Amanah Kedaulatan, Maruah Melayu. Berita Harian.
- Wan Rohani (2021). Suaiguna Semula Bangunan Bersejarah Sebagai Muzium: Kajian Ke Atas Kota Lama Duyong Kuala Terengganu, Terengganu. Tidak Diterbitkan Final Project thesis, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

LAMPIRAN

SOALAN TEMU BUAL

Bagi soalan temu bual, pengkaji telah membahagikan kepada dua kumpulan yang berbeza. Bagi kumpulan yang pertama menerangkan berkaitan sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah. Kumpulan yang kedua pula berkaitan dengan proses suaiguna semula bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah.

OBJEKTIF 1

Mengenalpasti Sejarah Muzium Masjid Sultan Abdullah:

Soalan 1: Apakah sejarah pembinaan Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Soalan 2: Siapakah pengasas Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Soalan 3: Siapakah pereka Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Soalan 4: Apakah elemen dan pengaruh yang telah diaplikasikan ke atas Muzium Masjid Sultan Abdullah?

OBJEKTIF 2

Mengkaji Proses Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah:

Soalan 1: Apakah fungsi asal muzium ini?

Soalan 2: Bagaimana Masjid Sultan Abdullah boleh menjadi sebuah muzium?

Soalan 3: Siapakah yang meminta masjid ini disuaiguna semula menjadi muzium?

Soalan 4: Apakah Muzium Masjid Sultan Abdullah ini berfungsi sebagai muzium sepenuh masa pada masa kini?

BORANG SOAL SELIDIK

SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN MUZIUM MASJID SULTAN ABDULLAH PEKAN, PAHANG

Borang soal selidik ini disediakan bagi mendapatkan maklumat tentang kesan pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah kepada komuniti setempat.

ARAHAN

Borang soal selidik ini mengandungi 4 bahagian iaitu:

Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden.

Bahagian B: Pengetahuan Responden.

Bahagian C: Kesan Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Komuniti Setempat.

Bahagian D: Cadangan Untuk Memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Orang Ramai.

Bahagian A : Maklumat Latar Belakang Responden

1. Jantina

- Lelaki
 Perempuan

2. Umur

- 20-30 Tahun
 31-40 Tahun
 41-50 Tahun
 50 Tahun ke atas

3. Sektor pekerjaan

- Kerajaan
 Swasta
 Bekerja sendiri
 Tidak bekerja
 Pelajar

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bahagian B: Pengetahuan Responden

1. Adakah anda mengetahui tentang kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Ya Tidak

2. Adakah anda mengetahui tentang sejarah muzium masjid ini?

Ya Tidak

3. Adakah anda menerima pengubahsuaian masjid ini menjadi sebuah muzium?

Ya Tidak

4. Berapa kerapkah anda melawat Muzium Masjid Sultan Abdullah?

Selalu Jarang Tidak Pernah

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bahagian C: Kesan Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Komuniti Setempat

SKOR	1	2	3	4	5
SKOR NILAI	SANGAT SETUJU	SETUJU	TIDAK PASTI	TIDAK SETUJU	SANGAT TIDAK SETUJU

PERKARA	1	2	3	4	5
1. Jumlah pelancong samada luar dan dalam negara bertambah selepas Masjid Sultan Abdullah diubah sebagai sebuah muzium.					
2. Pelestarian ini membuatkan ekonomi di kawasan anda berkembang dengan pesat dan peluang pekerjaan bertambah.					
3. Pelestarian muzium masjid ini meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti kedai makan, kedai cenderahati, jalan raya, stesen bas dan kemudahan lain.					
4. Kemudahan ini disediakan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pelancongan ke atas muzium ini.					
5. Kesan pelestarian ini membolehkan anda didedahkan dengan budaya tempatan kepada pelancong seperti makanan warisan puding diraja.					
6. Pelestarian Muzium Masjid Sultan Abdullah ini membuat anda lebih menghargai bangunan warisan yang ada di kawasan anda.					
7. Gaya hidup anda berubah selepas pelestarian muzium masjid ini seperti kerap terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium.					

Bahagian D : Cadangan Untuk Memperkenalkan Muzium Masjid Sultan Abdullah Kepada Orang Ramai

SKOR	1	2	3	4	5
SKOR NILAI	SANGAT SETUJU	SETUJU	TIDAK PASTI	TIDAK SETUJU	SANGAT TIDAK SETUJU

PERKARA	1	2	3	4	5
1. Mempromosikan Muzium Masjid Sultan Abdullah melalui media massa seperti <i>Tiktok</i> , <i>Facebook</i> dan laman web Pelancongan Negeri Pahang.					
2. Kerajaan negeri perlu memberi peruntukan dana bagi menaiktaraf Muzium Masjid Sultan Abdullah bagi menarik perhatian pelancong.					
3. Pihak muzium perlu mempelbagaikan aktiviti seperti lawatan pelajar bagi menggalakkan kehadiran pelancong.					
4. Meletakkan papan tanda bagi memudahkan orang ramai melihat akan kewujudan Muzium Masjid Sultan Abdullah					
5. Menambah koleksi tentang tamadun Islam di Muzium Masjid Sultan Abdullah					